



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES
PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN (TIMBALAN) YANG DI-PERTUA:

Menteri Pertanian, Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad terkorban dalam
Trajidi Kapal terbang MAS B.737 [Ruangan 5583]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5584]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5605]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh) —

Jadual —

Kepala B. 25 [Ruangan 5606]

Kepala B. 26 dan B. 27 [Ruangan 5658]

USUL:

Menangguhkan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18:
Perampasan Kapal terbang MAS B.737 [Ruangan 5601]

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh) —

Kepala P. 25 [Ruangan 5606]

Kepala P. 26 dan P. 27 [Ruangan 5658]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K.
(Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K.,
P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.I. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.L.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).

Yang Berformat TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAB BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

- Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.I.K., (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K. A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.I.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 5hb Disember, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN (TIMBALAN) YANG
DI-PERTUA**

**Menteri Pertanian, Datuk Seri Ali bin Haji
Ahmad Terkorban dalam Trajidi
Kapalterbang MAS B737**

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum bahawa Kapalterbang MAS jenis Boeing 737 telah terhempas semalam di Kampung Tanjung Kupang, Selatan Johor dan mengorbankan, difahamkan setakat ini 93 orang penumpang dan 7 orang anak kapal. Dengan amat sedihnya dimaklumkan iaitu di antara yang telah meninggal dunia itu ialah seorang Ahli Dewan ini yang juga menjadi Menteri Pertanian iaitu Allahyarham Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad.

Sebagai mengenang jasa Allahyarham itu khususnya kepada negara dan rakyat dan untuk memperingati beberapa orang penumpang-penumpang yang terdiri daripada pegawai tinggi Kerajaan dan anak-anak kapal serta lain-lainnya yang telah terkorban, saya dengan ikhlasnya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bertafakur bersama saya dalam satu minit, dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam diharap bersama-sama dengan saya menghadihkan Al-Fatihah seberapa banyak yang

ikhlas sambil mendoakan semoga Allah subhanahu wa taala mencucuri rahmat ke atas roh mereka dan dihimpunkan bersama-sama para aulia, syuhada dan sallehin.

(Majlis bertafakur selama satu minit dan yang beragama Islam menghadihkan Fatihah).

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

RUKUN TETANGGA

1. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Perdana Menteri menjelaskan adakah beliau bercadang menjadikan Sekim Rukun Tetangga sebagai Sekim Perkhidmatan Negara bagi tiap-tiap pekan dan bandar di seluruh negara memandangkan aktivitiya begitu berkesan dan berjaya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana turut memperakui bahawa aktiviti Rukun Tetangga begitu berkesan dan berjaya.

Saya suka menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa segala kejayaan tersebut membuktikan objektif Sekim Rukun Tetangga untuk memupuk dan melahirkan masyarakat berdikari telah mendapat persefahaman dan

sambutan dari segenap lapisan masyarakat. Sekim Rukun Tetangga bukan sahaja telah menempah kejayaan dalam aspek keselamatan tetapi juga aspek-aspek yang lain yang meningkatkan muhibbah dan kesejahteraan di dalam masyarakat. Sekim Rukun Tetangga akan dilaksanakan di seluruh negara secara berperingkat-peringkat. Walaupun pada permulaannya sekim ini ditumpukan di kawasan pekan dan bandar, sekim ini telahpun diperluaskan ke kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan luar bandar amnya yang mempunyai implikasi keselamatan.

Saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Sekim Perkhidmatan Negara. Oleh hal yang demikian, persoalan untuk menukarkan Sekim Rukun Tetangga kepada Sekim Perkhidmatan Negara tidaklah timbul.

PEMBALAKAN KAWASAN-KAWASAN HUTAN

2. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa dari sehari ke sehari hasil kayu-kayan di negara kita telah berkurangan dan dengan itu banyak hutan-hutan simpanan telah digunakan untuk tujuan membalak dan harga papan juga telah melambung naik. Sila nyatakan bagaimanakah permohonan untuk mendapatkan permit membalak diuruskan kerana adalah didapati telah banyak hutan-hutan simpanan yang digunakan.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa keluasan kawasan-kawasan hutan termasuk juga kawasan hutan simpanan dalam negara kita adalah semakin berkurangan akibat dari kerja-kerja pembalakan. Saya telahpun menerangkan dahulu tentang langkah-langkah positif yang telah dan akan diambil untuk memelihara hutan kita supaya keluarannya akan terus berkekalan semasa

saya memberikan jawapan kepada soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Hee Tien Lai pada 26hb Oktober, 1977 yang lalu.

Mengenai harga papan yang meningkat itu, ini ada mempunyai hubungan dengan keadaan pasaran dunia yang mana Semenanjung Malaysia ialah pengeksport yang terbesar dalam dunia bagi jenis kayu keras Tropika yang telah digergaji (sawn timber). Ini adalah baik kepada ekonomi negara kerana kita memperolehi nilai pertukaran wang asing yang besar, malangnya keadaan seperti itu juga sedikit-sebanyak mempengaruhi harga kayu dalam pasaran tempatan tetapi harga papan tempatan tidaklah begitu tinggi dan meningkat ke peringkat yang serius.

Mengenai soal pemerosesan permohonan ke atas kawasan-kawasan membalak dalam hutan-hutan simpan, perkara ini adalah di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Sesuatu permohonan adalah diberi pertimbangan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

HARGA KERETA

3. **Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa harga kereta dan alat gantinya di Sarawak dan Sabah lebih mahal dari Semenanjung Malaysia, sedangkan kereta-kereta tersebut dipasang di dalam negeri. Jika ya, kenapa harga tersebut tidak disamakan dengan harga di Semenanjung Malaysia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa harga kereta yang dipasang di Semenanjung Malaysia dan dijual di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi daripada harga yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Faktor penting mengapa perkara ini berlaku ialah kerana tambang perkapalan yang menyebabkan harga kereta-kereta itu lebih mahal di antara 5% hingga 7% dibandingkan dengan harga di Semenanjung Malaysia. Sebaliknya harga kereta yang dipasang di Sarawak dan dipasarkan di Semenanjung Malaysia juga adalah lebih mahal dari harga yang terdapat di Sarawak dan perbezaan ini juga disebabkan kos tambang perkapalan. Atas sebab ini, Kementerian saya berpendapat bahawa cadangan Ahli Yang Berhormat supaya menyamakan harga kereta-kereta itu dengan harga di Semenanjung Malaysia adalah tidak praktikal dilakukan.

Berkenaan harga barang-barang ganti pula, saya juga sedar bahawa terdapat perbezaan harga di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, khususnya bagi barang-barang ganti yang dibuat di Semenanjung Malaysia. Perbezaan ini juga adalah disebabkan di antaranya oleh kos tambang perkapalan. Walau bagaimanapun, suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa kebanyakan barang-barang ganti kereta motor bukanlah dibuat di Semenanjung Malaysia tetapi diimport dari luar negeri. Dari penyelidikan yang telah dijalankan oleh Kementerian saya, harga-harga barang-barang ganti ini tidak sepatutnya berbeza di antara Semenanjung Malaysia atau Sabah dan Sarawak, kerana barang-barang yang diimport itu kebanyakannya berpunca dari tempat yang sama di luar negeri. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa tiada terdapat langsung perbezaan kecil harga barang-barang ganti ini di antara satu tempat dengan tempat yang lain kerana harga barang-barang itu juga tertakluk atau dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti permintaan, penawaran dan keadaan 'cost of labour' di sesuatu tempat itu.

HAD LAJU KENDERAAN

4. **Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-

kemudahan Awam menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menaikkan had laju 25 b.s.j. dan 35 b.s.j. bagi lori-lori dan van kerana had laju ini tiada pernah dinaikkan semenjak tahun 1958 memandangkan keadaan jalanraya kita hari ini adalah telah bertambah baik.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Telk): Tuan Yang di-Pertua, ingin dimaklumkan bahawa masalah had laju yang dikenakan kepada kenderaan-kenderaan pada masa ini, sedang dikaji oleh Kementerian saya.

KELAS MEMBACA QURAN

5. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau bercadang hendak mengadakan seberapa banyak kelas-kelas membaca Quran dan Pelajaran Ugama Islam kepada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun di kelas kemajuan masyarakat. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak. Tanggungjawab tersebut adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelajaran.

JALANRAYA BESAR

6. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk mempercepatkan pembinaan dan pembaikan jalan-jalan raya di Sarawak khasnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Dr. Goh Cheng Telk: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang menimbang untuk menambah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi Jalan-jalan Raya Besar, Jalan-jalan Pembangunan, dan untuk memperbaiki lain-lain Jalan Besar di Negeri

Sarawak. Sebanyak \$10 juta telahpun diperuntukkan bagi jalan luar bandar untuk tahun 1978.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang menimbang untuk menambah peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga untuk membeli bahan-bahan dan jentera-jentera tambahan supaya Yunit-yunit Pembinaan yang baru dapat diadakan. Usaha ini akan memperkuatkan lagi 14 Yunit Pembinaan Jalan Berjentera (Mechanical Road Construction Units) yang ada sekarang.

Sebagai tambahan saya hendak jelaskan bahawa Jabatan Kerjaraya di Negeri Sarawak merupakan sebuah jabatan yang dinamik sekali di seluruh Malaysia dan pembinaan jalan oleh Jabatan ini boleh dikatakan sangat memuaskan.

RASUAH NORTHROP

7. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan orang yang telah ditangkap mengenai dengan rasuah Northrop hingga sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

Jawapannya ialah satu tangkapan sahaja telah dilakukan. Sepertimana yang telah diumumkan beliau ialah seorang bekas pegawai kanan di dalam Tentera Udara Diraja Malaysia dan telahpun dihadapkan di dalam mahkamah. Perbicaraan akan dijalankan pada 19hb Disember, 1977 yang akan datang.

MINI STADIUM

8. **Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan

samada beliau dapat mengadakan sebuah Mini Stadium untuk penduduk-penduduk di dalam Daerah Rawang untuk memperluaskan aktiviti-aktiviti sukan di kalangan penduduk-penduduk setempat. Ini adalah memandangkan bahawa banyak daerah-daerah kecil yang lain telah diberikan kemudahan seumpama itu, tetapi tidak ada di Daerah Rawang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Saadun bin Muhammad Noh): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang berusaha sedaya-upaya untuk mempergiatkan dan meluaskan lagi aktiviti-aktiviti sukan di peringkat Persekutuan, Negeri dan juga di peringkat Daerah.

Di peringkat Negeri, Kementerian ini telah mendirikan Komplek Pelbagaiguna di tiap-tiap ibu negeri di Malaysia. Komplek ini telah menjadi pusat bagi kegiatan-kegiatan belia dan ini termasuk kemudahan-kemudahan bagi kegiatan-kegiatan sukan. Di Semenanjung Malaysia pembinaan peringkat pertama, Komplek Pelbagaiguna telah selesai kecuali di Negeri Kelantan.

Kementerian ini juga mempunyai rancangan sendiri untuk mendirikan Dewan Serbaguna di peringkat Daerah seperti di Rawang dan lain-lainnya dan rancangan ini hanya akan dilaksanakan sekiranya Kementerian ini mendapat peruntukan.

SEKTOR PERKILANGAN

9. **Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:—

- (a) bilangan projek dalam bidang perkilangan (manufacturing sector) yang diluluskan dalam tahun 1971 — 1976 iaitu meliputi keseluruhannya;
- (b) bilangan projek dalam bidang perkilangan (manufacturing sector) yang diluluskan dalam tahun-tahun yang

sama kepada Bumiputra dan berapa daripada bilangan ini dipunyai oleh badan berkanun/ajensi-ajensi Kerajaan;

- (c) berapa jumlah pelaburan modal bagi (a) dalam tahun-tahun yang sama;
- (d) berapa jumlah pelaburan modal (b) dalam tahun-tahun yang sama dan berapa peratus dimiliki oleh badan-badan berkanun/ajensi-ajensi Kerajaan; dan
- (e) berapa bilangan perusahaan joint-venture didapati dalam (b) di dalam tahun-tahun yang sama dan peratus ekuiti Bumiputra.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek-projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan dari tahun 1971 hingga 1976 berjumlah 2,543.
- (b) Bilangan projek-projek di mana ekuiti Bumiputra berjumlah 51% dan lebih, yang diluluskan dari tahun 1971 hingga 1976 ialah 315 dan dari jumlah ini 94 projek adalah kepunyaan Badan-badan Berkanun ataupun Ajensi-ajensi Kerajaan.
- (c) Jumlah pelaburan modal yang dicadangkan dalam semua projek-projek yang diluluskan dalam masa yang sama ialah \$7,020.8 juta.
- (d) Pelaburan modal yang dicadangkan di dalam projek-projek Bumiputra yang diluluskan berjumlah \$1,374.3 juta dan dari jumlah ini \$665.2 juta ataupun 48.4% adalah dalam projek-projek kepunyaan Badan-badan Berkanun ataupun Ajensi-ajensi Kerajaan.
- (e) Jumlah projek-projek usahasama di mana ekuiti Bumiputra berjumlah 51% dan lebih, yang diluluskan dalam masa yang sama ialah 221. Cadangan ekuiti Bumiputra dalam 221 projek usahasama ini merupakan 51.4% dari jumlah ekuiti yang dicadangkan dalam

semua projek-projek Bumiputra yang diluluskan dalam masa yang sama.

PERUBATAN KEPADA HOSPITAL UNIVERSITI

10. **Tuan Farn Seong Than** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran memberi senarai firma-firma dan orang-orang yang ditawarkan kontrak untuk membekalkan makanan, ubat-ubat dan alat-alat perubatan kepada Hospital Universiti dan samada ahli-ahli Majlis Universiti dan Majlis Hospital Universiti mempunyai kepentingan tertentu (vested interests) di firma-firma dan kontrak-kontrak tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Speaker, disebabkan senarai firma-firma dan orang-orang yang ditawarkan kontrak untuk membekal makanan, ubat-ubat dan alat-alat perubatan kepada Hospital Universiti adalah terlalu panjang, saya bercadang menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu melalui jawapan bertulis. Walau bagaimanapun, inginlah saya menegaskan di sini bahawa setakat yang saya ketahui, tiada siapa pun dari ahli Majlis Universiti dan ahli Lembaga Hospital Universiti mempunyai sebarang kepentingan tertentu di dalam firma-firma yang tersebut di atas. Hospital Universiti adalah mempunyai Peraturan-peraturan Tender yang berpandu rapat kepada Arahan Perbendaharaan yang mana dengan sendirinya tidak memungkinkan sebarang kepentingan perseorangan akan mempengaruhi pemberian tawaran tersebut.

Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti bahawa ada kecurangan berlaku saya meminta supaya ia membuat tuduhan secara terbuka. Soalan seperti ini merupakan sindiran kepada ahli Majlis secara tidak langsung dan ini tidaklah adil kepada mereka yang berkhidmat untuk kebaikan Universiti dan Hospital kita.

KADAR TALIGERAM

11. **Tuan A.K. Aliuddin** bertanya kepada Menteri Perhubungan mengapa kadar taligeram dalam Sabah tinggi dibandingkan dengan kadar ke lain-lain Negeri dari Sabah seperti ke Semenanjung Malaysia, Hong Kong, Singapura dan Brunei. Adakah Kementerian ini bercadang untuk mengkaji semula kadar tersebut supaya dapat diturunkan selaras dengan kadar-kadar yang dikenakan ke negeri-negeri yang berkenaan.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kadar satu perkataan untuk taligeram biasa di sekitar Sabah adalah lebih rendah dari kadar yang dikenakan untuk taligeram biasa ke Semenanjung Malaysia, Hong Kong, Singapura dan Brunei.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kadar bagi satu perkataan (minima 7 perkataan) dalam Negeri Sabah ialah 10 sen tetapi bagi satu perkataan dari Sabah ke Semenanjung Malaysia, Hong Kong dan Singapura ialah 50 sen dan ke Brunei 15 sen.

Saya diberitahu bahawa kadar satu perkataan (minima 14 perkataan) untuk Taligeram Akhbar (Press Telegram) di sekitar Sabah ialah 5 sen dan ini adalah lebih tinggi daripada kadar yang dikenakan dari Sabah ke Semenanjung Malaysia, Hong Kong, Singapura dan Brunei iaitu 4 sen. Kementerian Perhubungan akan mengarahkan Jabatan Talikom supaya menyemak semula kadar ini dengan secepat mungkin.

CUKAI PENDAPATAN KEPADA KOPERASI

12. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar, bahawa banyak syarikat-syarikat kerjasama akan ditutup kerana Jabatan Cukai Pendapatan mengenakan cukai yang tersangat tinggi, lebih

daripada keuntungan yang diperolehi oleh syarikat tersebut (contohnya Syarikat Kampong Nisam Perlis hampir ditutup kerana tidak mampu membayar cukai pendapatan). Tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang akan mengatasi hal ini.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar kerana cukai pendapatan yang dikenakan tidaklah boleh melebihi keuntungan yang diperolehi oleh mana-mana koperasi.

Kerajaan memang ada mengambil beberapa langkah seperti menyediakan peruntukan-peruntukan dalam sekim percukaian bertujuan merengangkan beban koperasi-koperasi. Ini termasuklah pemberian tempoh pengecualian cukai selama 5 tahun mulai daripada tarikh pendaftaran sesebuah koperasi itu, dan setelah tamat tempoh itu, pengecualian diberikan juga kepada koperasi-koperasi yang mempunyai kumpulan wang ahli-ahli tidak melebihi dari \$500,000. Ini bermakna koperasi-koperasi yang kecil tidaklah dikenakan cukai. Selain dari itu, potongan juga diberi dari pendapatan koperasi-koperasi setakat jumlah maksima sebanyak 25% dari pendapatan bersih yang telah digunakan sebagai sumbangan kepada kumpulan wang simpanan berkanun. Koperasi-koperasi adalah juga dikecualikan dari bayaran cukai keuntungan berlebihan serta cukai pembangunan.

Dalam Ucapan Dasar Belanjawan 1978 pada 28.10.77, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyentuh langkah tambahan bagi merengangkan cukai seperti pemberian potongan sebanyak 6% lagi dari kumpulan wang ahli-ahli.

Dengan langkah yang telah diambil dalam tahun 1977 dan yang akan diambil dalam tahun 1978, koperasi-koperasi kecil yang memperoleh pendapatan kurang dari 6% dari kumpulan wang ahli-ahlinya serta juga koperasi yang baru didaftarkan akan sendirinya tidak dikenakan cukai sama sekali.

LOJI UREA AMMONIA

13. **Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberikan laporan kemajuan kajian kemungkinan terhadap loji urea-ammonia yang dibuat oleh Malaysia di bawah lima projek perindustrian Negara-negara ASEAN dan juga nyatakan bilangan pekerjaan yang akan ujud daripada projek yang dicadangkan itu.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kajian kemungkinan terhadap loji urea-ammonia yang akan dilaksanakan oleh Malaysia sebagai satu daripada lima buah projek-projek perindustrian ASEAN telahpun siap dijalankan oleh PETRONAS bersama-sama dengan sebuah syarikat perundingan Jepun dan sekarang sedang di dalam kajian Kerajaan. Adalah dianggarkan bahawa apabila projek ini dilaksanakan sepenuhnya ianya akan dapat r-r-erengujudkan kira-kira 360 peluang pekerjaan secara langsung.

LATIHAN GURU-GURU SEMENTARA

14. **Tuan Chheng Tlong Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan mengadakan kursus latihan untuk melatih guru-guru sementara di Sekolah Menengah dalam percutian sekolah di Sarawak.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, pada masa sekarang, Jabatan Pelajaran Sarawak tidak menjalankan apa-apa kursus latihan dalam masa cuti sekolah bagi guru-guru sementara sekolah-sekolah menengah. Walau bagaimanapun, Jabatan tersebut ada menjalankan kursus latihan dalam masa cuti sekolah bagi guru-guru sementara sekolah-sekolah rendah. Pada masa sekarang terdapat seramai 68 orang guru-guru seperti itu yang sedang menjalani latihan dalam masa cuti sekolah.

Bagi tahun 1978, Jabatan itu sedang membuat rancangan untuk mengadakan

kursus latihan dalam masa cuti sekolah bagi guru-guru sementara yang mempunyai kelayakan-kelayakan Sijil Sekolah (School Certificate) untuk mengkhusus dalam bidang pengajaran Menengah Rendah (Junior Secondary) di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching.

MURID-MURID BUMIPUTRA SABAH/SARAWAK KE UNIVERSITI

15. **Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau bercadang untuk menerima lebih ramai lagi murid-murid bangsa Bumiputra dari Malaysia Timur untuk masuk ke Universiti-universiti di Malaysia.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, kemasukan calon-calon yang berkelayakan dari Sabah dan Sarawak ke universiti-universiti di Malaysia sentiasa diberikan perhatian pada tiap-tiap urusan kemasukan diadakan secara bersama antara universiti-universiti. Universiti-universiti sememangnya memberi perhatian khas bagi menambahkan bilangan calon-calon dari Sabah dan Sarawak tetapi ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

MINYAK TANAH/DISEL

16. **Tengku Noor Aslah binti Tengku Ahmad** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar, kekurangan minyak tanah dan minyak disel selalu berlaku di beberapa tempat di negara ini, sedangkan pihak Kementerian menyatakan bekalan minyak tanah dan minyak disel adalah mencukupi. Jika ya, apakah tindakan untuk mengatasinya.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Jawapan kepada soalan yang sama telah dibuat juga di Dewan ini tidak berapa lama dulu.

ELAUN PENYELIA DAN GURU-GURU

17. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar Jabatan Kemajuan Masyarakat masih membayar elaun Penyelia-penyelinya dan Guru-guru di bawah pentadbiran beliau masih menerima elaun yang lama juga walaupun Pegawai-pegawai Kerajaan yang lain telah mendapat tanggagaji baharu; jika sedar, adakah rancangan beliau bagi melaksanakan elaun baharu dan bilakah pelaksanaannya.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah meluluskan kadar baru elaun bagi Penyelia-penyelia dan Guru-guru di bawah Bahagian Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pertanian. Tindakan sedang diambil untuk melaksanakan bayaran baru ini dengan secepat yang boleh.

SEKIM "NO FAULT" KES KEMALANGAN

18. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau akan mengkaji menghantar sepasukan peguam ke New Zealand untuk mempelajari "no fault scheme" di New Zealand sebelum melakukan sebarang perkara yang mudarat yang akan meminda kedudukan undang-undang berkenaan dengan gantiganti di dalam kes-kes kemalangan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Undang-undang, saya ingin menjawabkan soalan ini.

Satu rombongan dari Malaysia telahpun membuat lawatan ke New Zealand untuk mengkaji sekim "no fault" yang sedang dijalankan di sana. Rombongan itu terdiri dari Yang Berhormat Menteri Undang-undang ialah seorang peguam, dua orang peguam kanan dalam Kementerian Undang-undang dan Ketua Pengarah Insuran. Ahli-ahli rombongan ini ialah juga ahli-ahli Jawatan-

kuasa Pampasan Kemalangan Jalanraya yang ditugaskan untuk menyediakan sebuah laporan dan deraf undang-undang mengenai sekim yang hendak dipakai di sini untuk pertimbangan Kerajaan. Lawatan itu telahpun dibuat selama 5 hari dalam bulan Mei tahun ini dan rombongan itu telah dapat bertemu dan berbincang dengan pihak-pihak penting yang berkenaan dengan sekim itu terutama sekali ahli-ahli Suruhanjaya Pampasan Kemalangan iaitu badan yang bertanggungjawab bagi melaksanakan sekim "no fault" di New Zealand.

Dalam perjumpaan dan perbincangan ini rombongan itu telah dapat memahami sekim New Zealand itu dengan lebih mendalam lagi dan juga telah mendapat penjelasan mengenai berbagai-bagai aspek sekim itu yang kurang jelas serta mengetahui selok-belok perjalanan sekim itu dari segi praktik.

Pengalaman yang diperolehi oleh rombongan tersebut dari lawatannya adalah merupai satu faedah besar bagi usaha menubuhkan satu sekim pampasan kemalangan jalanraya di negara ini dan adalah difikirkan mencukupi untuk keperluan masa ini.

POLIKELINIK SIMPANG KUALA

19. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kesihatan menyatakan iaitu oleh kerana telah dinyatakan di dalam Dewan ini oleh beliau tiga tahun yang lampau bahawa Poliklinik di Simpang Kuala, Alor Setar, Kedah, akan dibina, tetapi sehingga ke hari ini tiada seketul bata pun telah diletak dan apakah sebab-sebabnya kelewatan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat projek Poliklinik Simpang Kuala telah diluluskan dan peruntukan memang ada untuk pembinaannya. Pada masa sekarang projek ini adalah dalam

peringkat penyediaan tawaran dan apabila beres kelak, pelawaan tender akan dijalankan dan pembinaan akan dimulakan.

PERSATUAN PENGGUNA

20. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan ada membuat sebarang sumbangan kepada Persatuan Pengguna terutama sekali dalam bidang Sebaran Am.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sentiasa memberikan sumbangan kepada persatuan-persatuan pengguna. Sumbangan-sumbangan yang telah diberikan adalah dalam bentuk kewangan, nasihat dan juga publisiti. Sekiranya soalan ini dimaksudkan kepada langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk memberi publisiti kepada pengguna, sukacita saya nyatakan bahawa Kementerian ini telah mengambil tindakan untuk menghebahkan persatuan pengguna dan peranannya kepada orang ramai. Antara tindakan yang dijalankan ialah mengadakan ceramah-ceramah, seminar, pertandingan syarahan antara penuntut-penuntut sekolah dan juga menggalakkan pihak-pihak Sebaran Am supaya lebih banyak menyiarkan rencana-rencana yang berkaitan dengan gerakan dan persatuan pengguna.

PERKHIDMATAN BAS EKSPRES

21. Tuan Au How Cheong (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:—

- (a) di atas asas apa jalan-jalan bas ekspres telah diberi untuk perjalanannya oleh syarikat-syarikat bas;
- (b) bilangan jalan-jalan ekspres yang diberi kepada syarikat-syarikat bas pada tiap-tiap tahun dari 1971 ke 1977

(hingga bulan Ogos) apakah jalan-jalan itu. (Sila beritahu pengkalannya);

- (c) Bilangan jalan-jalan ekspres itu yang dijalankan oleh syarikat-syarikat bas Bumiputra; dan bagaimana Menteri itu menjamin bahawa jalan-jalan baru tidaklah berulang atau memotong masuk jalan-jalan yang sedang dijalankan oleh syarikat-syarikat bas yang ada.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan mengeluarkan permit-permit bagi perkhidmatan bas ekspres di atas permohonan-permohonan yang diterima oleh orang perseorangan atau syarikat-syarikat yang hendak menjalankan perkhidmatan tersebut. Setiap permohonan untuk menjalankan perkhidmatan bas ekspres adalah ditimbang atas merit masing-masing. Satu 'public enquiry' akan diadakan oleh Lembaga Pelesenan di mana permohonan adalah dikehendaki menunjukkan adanya keperluan untuk perkhidmatan itu dan jika sekiranya ada syarikat bas yang telahpun menjalankan perkhidmatan di atas jalan yang sama, mereka juga akan dipersilakan hadir untuk mendengar kes itu dan seterusnya memberikan pandangan atau bantahan. Jika sekiranya Lembaga Pelesenan berpuashati bahawa adalah perlu diadakan perkhidmatan bas ekspres bagi jalan yang berkenaan, permohonan itu akan diluluskan. Berkenaan dengan butir-butir yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu di bawah soalan (b) dan (c) izinkan saya menghantar butir-butir secara bertulis oleh kerana senarai yang diminta panjang sekali.

Berkenaan dengan masalah perkhidmatan berlapis (*overlapping*) ingin saya menjelaskan bahawa sungguhpun pada dasarnya Lembaga

Pelesenan tidak menggalakkan keadaan perkhidmatan yang berlapis itu, tetapi di dalam keadaan tertentu di mana jika sekiranya syarikat bas yang ada tidak dapat menjalankan perkhidmatan yang mencukupi dan memuaskan, Lembaga Pelesenan boleh meluluskan permohonan daripada syarikat yang lain untuk menjalankan perkhidmatan di atas jalan yang sama. Walau bagaimanapun, pada kebiasaannya Lembaga Pelesenan adalah memerhatikan kepentingan ekonomi pengusaha yang ada dan jika perlu syarat-syarat tertentu dikenakan ke atas pengusaha yang baru supaya tidak menjejaskan perusahaan mereka.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Perampasan Kapalterbang MAS B737

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat pada pukul 10.30 pagi tadi saya telah mendapat sepucuk surat daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar untuk mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (1). Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengemukakan usul ini.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) Dewan Rakyat untuk mencadangkan supaya merundingkan satu perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu perampasan kapalterbang MAS 737.

(a) Bahawa perkara ini adalah tertentu kerana 93 orang penumpang dan 7

orang anak kapal tersebut telah meninggal dunia akibat terhempasnya kapalterbang tersebut di Kampung Ladang, Mukim Tanjung Kupang 12 batu dari Gelang Patah, Johor malam semalam.

(b) Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana ianya melibatkan keselamatan lapanganterbang kerana kapalterbang tersebut dikatakan telah dirampas oleh satu kumpulan orang yang terdiri dari Tentera Merah Jepun ketika kapalterbang tersebut sedang dalam perjalanannya dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur. Apa yang lebih penting ialah perkara ini melibatkan keselamatan penumpang-penumpang serta kehilangan nyawa manusia dan harta-benda.

(c) Bahawa perkara ini adalah segera kerana seluruh negara hendak tahu bagaimanakah incident tersebut berlaku. Adakah incident tersebut berlaku kerana terdapat kekurangan dalam langkah-langkah keselamatan yang diambil di Lapanganterbang Bayan Lepas dan, jika ya, mengapakah keselamatan di Lapanganterbang tersebut tidak ketat dan lebih-lebih lagi satu Suruhanjaya Siasatan yang menyeluruh hendaklah diadakan di dalam incident itu.

Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 18 pihak Yang di-Pertua, iaitu saya sendiri puas hati di atas tiga perkara dan hendaklah menepati tiga perkara itu, iaitu:

- (1) perkara itu tertentu (definite);
- (2) perkara itu ialah berkenaan kepentingan orang ramai; dan

(3) berkehendak supaya disegerakan.

Saya telah menimbangkan permohonan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi dengan telitinya dan usul yang dikemukakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah mendengarnya ialah mengikut Peraturan 18 (1) dalam Peraturan Mesyuarat.

Pada pendapat saya Kapal terbang MAS Boeing 737 yang berlepas dari Lapangan terbang Pulau Pinang yang telah jatuh terhempas di Kampung Mukim Tanjung Kupang, 12 batu dari Gelang Patah itu dan mengorbankan semua penumpang dan kakitangan kapal terbang itu adalah satu perkara yang telah terjadi dan tertentu dan oleh sebab itu saya puas hati dan setuju bahawa satu daripada syarat yang dikehendaki dalam Peraturan 18 itu adalah menepati.

Perkara kedua yang patut dipenuhi oleh usul ini ialah kepentingan orang ramai. Perkara ini melibatkan keselamatan lapangan terbang dan keselamatan penumpang-penumpang serta kehilangan jiwa manusia. Ini berhubung dengan orang ramai dan ini juga pada hemat saya menepati kehendak atau syarat yang digariskan di dalam fasal atau bilangan 18 dalam Peraturan Mesyuarat ini.

Yang ketiganya ialah samada perkara ini patut disegerakan atau tidak. Rakyat, saya percaya, memang hendak tahu apa yang sebenarnya berlaku dan apa-apa langkah keselamatan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan, khususnya Kementerian Perhubungan di dalam soal ini dan perkara ini dianggap segera atau tidak segera kerana penerbangan Kapal terbang MAS ini berjalan setiap hari. Oleh itu, pada pendapat saya ini juga perlu disegerakan.

Mengikut hemat saya dan setelah saya timbangkan dengan teliti ketiga-tiga syarat yang dikehendaki dan ditepati dalam Peraturan Mesyuarat 18 itu ada. Dengan sebab itu, saya setuju supaya usul ini dibahaskan. Saya terima usul ini.

Mengikut fasal 18 juga, iaitu Pecahan (3);

“(3) Jika Tuan Yang di-Pertua puashati yang demikian dan samada

(a) Majlis Mesyuarat memberi izin dengan tidak ada siapa-siapa ahli yang membangkang;”

Ini bererti kalau ada seorang ahli sahaja yang membangkang tidak boleh usul ini dikemukakan untuk dibahaskan. Saya sekarang hendak bertanya adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkang atas usul ini?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Ada.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada seorang membangkang. Kalau sudah ada Ahli yang membangkang, satu lagi jalan untuk usul daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ini boleh dibahas dalam Dewan ini iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (3) (b) yang berbunyi:

“(b) jika Majlis Mesyuarat tidak memberi izin, tetapi sekurang-kurangnya lima-belas orang ahli berdiri di tempatnya menyokong permintaan itu.”

Jadi saya sekarang hendak tahu adakah 15 orang Ahli Yang Berhormat yang menyokong? Sila bangun yang menyokong.

(3 orang Ahli bangun)

Walaupun pada pendapat saya mencukupi dan menepati syarat-syarat seperti yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat 18 tetapi tidak ada dapat sokongan daripada 15 orang Ahli, maka gugurlah permohonan ini. Dengan itu, usul ini tidak disetujui dan ditolak.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE
DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PROFESION
UNDANG-UNDANG (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Profesion Undang-undang 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1978**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (2hb Disember, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Majlis ini ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sedang berucap. Maka dengan sebab itu, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyambung ucapannya.

Kepala B. 25 (Jadual)

Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan, 1978)

3.17 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyambung ucapan saya mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Sekarang saya berucap atas Kepala B. 25, muka.surat 171, Aktiviti (2) Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, sejak Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan ditubuhkan di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, majlis tersebut tidak dapat bergerak sebagai satu badan efektif untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna.

Sungguhpun Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan telah ujud selama 5 tahun, pengguna-pengguna Malaysia tidak puas hati dan tidak yakin majlis tersebut, dalam bentuk yang ada sekarang, dapat menjaga dan melindungi kepentingan-kepentingan mereka.

Pertamanya dari segi perundangan majlis ini hanya mempunyai kuasa menasihati sahaja dan apa-apa nasihat yang dibuat untuk kepentingan pengguna bolehlah dan mungkin ditolak oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Yang kedua, kandungan atau komposisi ahli-ahli majlis penasihat ini sangat tidak memuaskan, oleh kerana ia tidak mencerminkan pandangan-pandangan dan kepentingan-kepentingan pengguna.

Ini ialah kerana kebanyakan ahli-ahli majlis penasihat terdiri dari kakitangan-kakitangan dan bukan terdiri daripada orang-orang yang boleh bercakap dengan berkesannya untuk

kepentingan-kepentingan pengguna sungguhpun Wakil Persatuan Pengguna ada dilantik untuk menyertai majlis itu.

Ketiganya, orang ramai tidak begitu banyak mengetahui mengenai majlis penasihat ini misalnya, beberapa kali majlis ini telah bermesyuarat sejak ia ditubuhkan, apa perkara yang telah dibincangkan di mesyuarat-mesyuarat itu, dan apakah perkara-perkara yang disyorkan dan berapa kerap nasihatnya ditolak oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, memandangkan sebab-sebab di atas tidak hairan kalau orang ramai tidak yakin akan ketegasan majlis itu untuk mengambil berat mengenai kepentingan pengguna-pengguna.

Bila kita perhatikan rekod Kerajaan melawan inflasi pada tahun-tahun yang lepas, dan membantu melindungi kepentingan-kepentingan pengguna, tidak bolehlah dikatakan bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan mempunyai satu rekod yang memuaskan.

Masanya telah tiba bagi Yang Berhormat Menteri membuat pandangan yang kritis terhadap masalah keseluruhan pelindung pengguna di tempatnya, sekiranya Kerajaan dengan ikhlas hendak mengambil langkah-langkah yang positif untuk menjaga dan memajukan kepentingan-kepentingan pengguna.

Satu usaha yang sistematik, tegas dan ber aliran tunggal di pihak Kerajaan bagi melindungi kepentingan pengguna-pengguna terhadap pengusaha-pengusaha kilang, pengimpot-pengimpot dan pemborong-pemborong yang tidak bertanggungjawab perlulah diambil. Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang ujud sekarang di bawah Kementerian yang berkenaan ini tidak dapat, saya tegaskan tidak dapat, memainkan satu peranan yang efektif. Apa yang diperlukan hari ini ialah sebuah Kementerian berasingan atau sekurang-kurangnya suatu Jabatan yang

berasingan akan ditubuh untuk menjaga hal-ehwal pengguna di negeri ini, menjaga kepentingan pengguna dan menentukan kuasa membeli golongan miskin dijamin dengan menghalang pengguna daripada ditipu melalui harga-harga yang adil.

Dengan pandangan ini, saya ingin dengan itu secara rasmi mencadangkan di sini bahawa tanggungjawab melindungi pengguna mestilah dikeluarkan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang telah membuktikan tidak berkebolehan hendak menjaga kepentingan pengguna.

Saya membuat cadangan ini dengan mengingatkan peranan di mana Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sepatutnya memajukan pelaburan dan melindungi pelabur-pelabur. Nampaknya bagi menjaga juga kepentingan pengguna bermakna suatu konflik kepentingan (conflict of interest).

Dalam hubungan ini, saya dengan ini mencadangkan bahawa Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna Kebangsaan dalam Kementerian yang berkenaan patutlah dibubarkan supaya wang rakyat tidak terbuang ke atas sebuah badan yang tidak berkesan mengurus masalah-masalah pengguna. Apa yang kita patut mempunyai sebagai ganti ialah sebuah Jabatan Hal Ehwal Pengguna yang ditubuhkan dengan sewajarnya dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bertanggungjawab ke atasnya.

Sekiranya ini boleh dibuat, saya yakin ini akan selama-lamanya menjaga kepentingan-kepentingan pengguna. Jabatan seperti ini bukan sahaja dapat mengurus perkara mengenai harga barang-barang yang tidak adil dan menipulasi jentera pemasaran dengan sengaja untuk tujuan mewujudkan kekurangan palsu pembekalan barang-barang perlu tetapi juga mengendali Kementerian-kementerian Kerajaan yang lain yang ada hubungan dengan memberi perkhidmatan kepada orang ramai

seperti pengangkutan dan kemudahan-kemudahan awam mengenai tambang-tambang bas dan keretapi.

Bagi sebuah Jabatan Hal Ehwal Pengguna seperti di atas menjadi berkesan dan bermakna, ia mestilah mempunyai gigi yang mencukupi. Saya dengan itu mencadangkan bahawa jabatan ini patutlah mengandungi (1) suatu yunit penyelidikan, (2) suatu inspectorate dan (3) suatu yunit pendidikan pengguna.

Tuan Pengerusi, (1) Fungsi yunit penyelidikan ini ialah menjalankan penyelidikan ke atas kualiti perbandingan barang-barang dengan tujuan merokemakan kepada pengguna jenis barang-barang yang tulen dan juga mendedahkan barang-barang yang rendah mutu.

(2) Fungsi inspectorate ialah menjalankan tugas menguatkuasa yang sekarang ini sangat kurang dijalankan oleh Yunit Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian; dan

(3) Kita semua mengakui bahawa pergerakan pengguna di negeri ini masih lagi berada di peringkat awal dan dengan itu adalah perlu digalakkan kesedaran orang ramai dan hal ehwal pengguna. Oleh yang demikian, Jabatan ini mempunyai peranan untuk memainkan dalam pendidikan pengguna dan dengan itu saya cadangkan suatu yunit untuk tujuan ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya merujuk sedikit kepada Aktiviti (6) Kemajuan Perindustrian.

Apabila menjawab satu pertanyaan yang dikemukakan oleh saya di dalam Dewan ini, Menteri yang berkenaan telah berjanji bahawa masa di antara dua hingga enam minggu sahaja akan diambil untuk memproses dan mengeluarkan lesen-lesen perusahaan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian bagi perusahaan-perusahaan yang ujud sekarang di negeri ini.

Ingin saya berkata di sini bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri ber-

kenaan adalah tidak benar. Adalah tidak tepat untuk Yang Berhormat Menteri berkenaan berkata bahawa hanya masa di antara dua hingga enam minggu akan diambil untuk memproses dan mengeluarkan lesen-lesen perusahaan di bawah Akta bagi perusahaan-perusahaan yang ujud sekarang.

Menurut satu kajian yang dilakukan oleh Parti kami, kita telah diberitahu bahawa masa di antara tiga hingga sembilan bulan diambil untuk memproses permohonan-permohonan dari perusahaan-perusahaan yang telah pun ditubuhkan untuk mendapatkan lesen-lesen perusahaan.

Saya amat hairan mengapa pegawai-pegawai di Kementerian yang berkenaan telah memberitahu yang Berhormat Menteri mereka bahawa masa dua hingga enam minggu sahaja diambil untuk memproses permohonan-permohonan untuk lesen-lesen sedangkan ini adalah tidak benar.

Menteri yang berkenaan hendaklah siasat perkara ini dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menentukan bahawa permohonan-permohonan yang dibuat oleh perusahaan-perusahaan yang ujud sekarang untuk lesen-lesen hendaklah disegerakan supaya tidak menyulitkan perusahaan-perusahaan berkenaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri berkenaan telah juga memberitahu Dewan ini semasa perbincangan ke atas Belanjawan diadakan bahawa adalah tidak benar untuk berkata Akta Penyelarasan Perindustrian merupakan sebab utama mengapa terdapat kelambatan dalam perkara pelaburan di negara ini. Beliau juga berkata Malaysia adalah suatu negara yang menarik untuk pelaburan di rantau ini yang boleh menjamin bahawa para pelabur akan memperolehi keuntungan.

Tuan Pengerusi, angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan yang menunjukkan bahawa pada tahun 1975, sebanyak 96 projek untuk pembesaran telah

dilulus. Pada tahun 1976 bilangan ini telah meningkat ke 131 dan sehingga bulan September tahun ini sebanyak 98 permohonan untuk pembesaran projek-projek telah diluluskan.

Tuan Pengerusi, saya memerhati bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan ialah mengenai kelulusan sahaja, tetapi ingin saya tahu berapa banyak dari projek-projek ini sebenarnya telah pun bermula (got off the ground). Juga ingin saya tahu dari Yang Berhormat Menteri berkenaan bilangan projek-projek baru yang diluluskan oleh Kementerian yang berkenaan yang telah pun bermula.

Saya rasa penerangan dalam perkara ini adalah sangat penting, kerana meluluskan sesuatu permohonan adalah satu perkara tetapi samada projek-projek yang telah diluluskan ini benar-benar telah bermula (got off the ground) adalah satu perkara yang lain. Dan jika sekiranya projek-projek ini belum lagi bermula, kita hendaklah diberitahu sebab-sebab mengapa projek-projek ini tidak bermula. Apakah projek-projek ini tidak bermula disebabkan syarat-syarat yang diisytiharkan dalam Akta Penyelarasan Perindustrian atau pun oleh kerana undang-undang restrictive yang lain.

Adalah nyata terdapat "slow-down" atau kelambatan dalam pelaburan di sektor swasta di negara ini dan jika bukti dikehendaki, saya cuma rujuk kepada Laporan Ekonomi Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, menurut Laporan Ekonomi Perbendaharaan, pelaburan swasta dianggarkan telah meningkat sebanyak 8.2 peratus dalam tahun 1977. Sungguhpun kadar pertumbuhan ini adalah memuaskan dalam konteks keadaan ekonomi dunia yang ujud sekarang dan kadar ini juga adalah lebih tinggi dari kadar pertumbuhan sebanyak 4 peratus yang dicapai dalam tahun 1976, tetapi kadar pertumbuhan ini adalah kurang dari matlamat pertumbuhan tahunan sebanyak 9.9

peratus di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Malah hakikat ini telahpun dinyatakan dalam Laporan Ekonomi Perbendaharaan di mana dinyatakan bahawa dalam masa 7 bulan dahulu tahun 1977, called-up capital yang dicadangkan bagi projek-projek yang telahpun diluluskan telah menurun sebanyak 54% kepada \$130 juta jika dibandingkan dengan \$282 juta bagi tempoh yang sama bagi tahun 1976.

Tuan Pengerusi, keadaan ini tidak bolehlah dibenarkan berlanjutan kerana kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga untuk mana Kerajaan dan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah 'committed' bergantung kepada kemajuan yang baik dalam kadar pertumbuhan pelaburan swasta. Pengumpulan kapital swasta merupakan faktor yang penting terhadap pertumbuhan ekonomi yang teratur khususnya kerana ekonomi Malaysia masih merupakan ekonomi yang berasaskan kepada sistem enterprise swasta.

Tuan Pengerusi, mengenai kemajuan perindustrian juga saya terpaksa menegaskan di sini bahawa salah satu faktor yang menjejaskan pelaburan di negara kita ialah pada masa sekarang terdapat jurang perbezaan yang besar di antara dasar-dasar yang digariskan oleh Menteri-menteri dengan pelaksanaan dasar-dasar tersebut oleh pegawai-pegawai Kerajaan dan ini telah mengakibatkan jurang credibility Kerajaan di kalangan para pelabur. Ini bukanlah satu masalah yang baru, ianya telah ujud juga pada masa yang lalu dan masih ujud hingga hari ini.

Setiap tahun kita telah berbelanja beratus-ratus ribu ringgit untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan di luar negeri supaya dapat menarik lebih ramai pelabur-pelabur menanam modal di negara kita.

Sebelum pelabur-pelabur asing ini tiba di Malaysia, mereka diberikan satu gambaran yang baik dan menarik tentang apa yang mereka boleh menduga selepas tiba di sini,

tetapi apabila mereka sampai di Malaysia, mereka telah menghadapi beberapa kesulitan dan kesukaran yang diakibatkan oleh halangan-halangan bureaucratist dan lain-lain masaalah.

Beberapa pihak di negara kita telah melahirkan rasa kluatir mereka atas perkara ini dan saya percaya Yang Berhormat Menteri sendiri juga sedar tentang hal ini. Oleh hal yang demikian, saya menyeru Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian serius dan berat tentang pandangan-pandangan, masaalah-masaalah dan cadangan-cadangan yang saya telah bangkitkan dan mengambil langkah-langkah segera untuk merapatkan jurang perbezaan di antara pengumuman-pengumuman dasar dan pelaksanaan dasar supaya pelaburan dan perindustrian di negara kita diperkembangkan.

Tuan Pengerusi, atas hal yang sama tiap-tiap tahun Kerajaan ada membelanjakan wang yang banyak untuk menggalakkan perdagangan antarabangsa dengan menghantar rombongan-rombongan ke seberang laut. Telah menjadi amalan Kerajaan menghantar rombongan-rombongan ke seberang laut yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, atau Timbalan Menteri atau pun kakitangan daripada Kementerian yang berkenaan.

Pada fikiran saya ini tidaklah berapa wajar sekiranya kita benar-benar hendak mendapat keputusan positif daripada rombongan-rombongan perdagangan ke seberang laut. Saya rasa rombongan-rombongan seperti itu patutlah diketuai oleh para industrialist yang kukuh di negeri ini. Ini adalah kerana hanya-pun industrialist yang kukuh sahaja yang betul-betul layak untuk menyakinkan orang-orang asing melabur di negeri kita ini.

Saya dengan itu mencadangkan bahawa kita patut memerhatikan satu konsep baru bagi memajukan pelaburan antarabangsa iaitu Kerajaan patut menjemput pelabur-

pelabur yang sudah kukuh yang telah sedia ada supaya pergi ke luar negeri untuk menyakinkan orang-orang asing sebab-sebab mengapa mereka patut melabur di sini. Kerajaan boleh mengurus bayaran pelabur-pelabur yang kukuh ini untuk pergi ke seberang laut untuk memajukan perdagangan ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya merujuk kepada Aktiviti (3) Bahagian Penguatkuasa tanpa menghiraukan apa yang saya telah cadangkan mengenai satu Jabatan Hal Ehwal Pengguna-pengguna, buat sementara ini adalah menggalakkan apabila saya perhatikan bahawa lebih pegawai-pegawai penguatkuasa akan diambil pada tahun akan datang untuk menyemak dan mengawal barang-barang tiruan atau palsu yang terdapat di dalam pasaran sekarang yang boleh membahayakan orang ramai.

Saya terpaksa menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada satu hakikat yang terdapat di pasaran sekarang, dan iaitu banyak bahan-bahan palsu atau tiruan telah dapat mengelak perhatian pegawai-pegawai Kementerian beliau. Barang-barang tiruan ini telah timbul di pasaran tempatan dalam beberapa bentuk seperti "shampoo", ubat batuk "Cap Kaki Tiga", baby gripe water, "Johnson and Johnson" baby powder, minyak rambut "Tancho", Vitamin "Willipo dan Halibow", dan lain-lain barang perubatan dan persolekan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa sekiranya bahan-bahan tiruan tidak dikawal, bahan-bahan tersebut akan jatuh ke tangan orang-orang yang buta huruf di mana kebanyakan mereka terdiri daripada penduduk-penduduk kampung dan luar bandar dan juga kampung-kampung baru. Apabila bahan-bahan tiruan ini digunakan, bahan-bahan itu akan mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna, kesihatan mereka akan terancam dan nyawa mereka akan menghadapi bahaya.

Memandangkan kepada hal ini dan demi kepentingan pengguna-pengguna khususnya mereka yang datang dari kawasan luar bandar dan kampung-kampung baru, saya menyeru Bahagian Penguatkuasa dalam Kementerian untuk memperhebatkan pemeriksaan dan mengawasi bahan-bahan tiruan yang terdapat di dalam pasaran tempatan.

Tuan Pengerusi, ingin saya memberi perhatian kepada satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang menyatakan bahawa Malaysia akan menimbang untuk membeli semula gula dari Cuba sekiranya rundingan mengenai perjanjian gula yang disemak semula dengan Australia "didapati rumit". Saya berpendapat bahawa Malaysia hendaklah berjalan terus untuk membeli gula dari Cuba, ataupun untuk membeli dari lain-lain negara, sekiranya kita dapat diyakinkan bahawa kita boleh mendapat bekalan gula yang murah untuk kegunaan pengguna-pengguna Malaysia.

Saya terpaksa menyatakan amat kesal bahawa sungguhpun harga gula di pasaran dunia sudah turun dengan cepat sejak tahun 1974, akan tetapi pengguna-pengguna di Malaysia tidak dapat menikmati dari perkembangan ini oleh kerana kita terikat dengan satu perjanjian dengan pembekal di Australia bagi bekalan selama enam tahun.

Saya menggesa Kerajaan Malaysia berbuat sedaya upaya untuk berunding semula dengan Australia mengenai Perjanjian Gula supaya rakyat Malaysia boleh menikmati gula yang murah memandangkan harga gula di pasaran dunia sudah turun. Saya rasa segala usaha hendaklah diambil untuk membolehkan pengguna-pengguna di Malaysia dapat membeli gula yang lebih murah, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Sekianlah sahaja ucapan saya terhadap Kementerian ini.

3.40 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh

Kepala Bekalan B. 25, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Kewangan dan Aktiviti (4) Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan, muka surat 171.

Dalam usaha menggalakkan kemajuan perdagangan, Kementerian Perdagangan memainkan peranan yang paling penting dan utama dalam memajukan perindustrian negara. Terbukti kepada kita hasil rombongan perdagangan yang dihantar ke luar negeri sangat-sangatlah berkesan. Hasil yang kita dapat ialah banyaknya pelabur-pelabur yang datang menanam modalnya di negara kita. Dalam hal ini saya rasa rombongan perdagangan Malaysia keluar negeri, hendaklah diperbanyakkan.

Dalam soal mencari pasaran, kita hendaklah menumpukan perhatian yang lebih kepada negeri-negeri yang membangun (new growth centres) di mana pasarannya sangat-sangat dikehendaki. Ini tidak bermakna bahawa negeri-negeri yang sedang membangun tidak ditumpukan.

Saya ingin mengesyorkan bahawa rombongan perdagangan yang kita hantar keluar negeri bukan sahaja terdiri dari Menteri-menteri, pegawai-pegawai dan industrialis-industrialis, tetapi juga termasuk Ahli-ahli Parlimen. Ini dapat diyakinkan bahawa dalam soal kajian dan analisa samada menimbang-kan kedudukan politik mahupun kedudukan perdagangan antarabangsa, Ahli-ahli Parlimen juga dapat membuat penilaian dan tinjauan mengenai masa hadapan dan kedudukan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, kita akui akan kebolehan pakar-pakar perdagangan kita, samada dari Kementerian mahupun dari ajensi-ajensi Kerajaan seperti FIDA (Perbadanan Kemajuan Perusahaan Persekutuan); TDC (Perbadanan Kemajuan Pelancungan) kerana perbadanan-perbadanan ini dapat memberi information yang tepat kepada bakal-bakal pelabur tentang kedudukan kestabilan politik di tanah air, keselamatan galakan pelaburan

dan juga ketenangan perusahaan (industrial harmony). Maklumat seperti ini adalah perlu dan berguna kepada pelabur-pelabur.

Tuan Pengerusi, dalam soal perdagangan ini juga, saya ingin menyentuh mengenai ASEAN Industrial Projects di mana Malaysia menumpukan projek urea bersama dengan Indonesia. Malaysia sebagai sebuah negara pertanian dan mempunyai potensi yang besar, adalah kena pada tempatnya menjalankan projek tersebut.

Dalam konteks ASEAN ini juga, kerjasama dalam soal perdagangan antarabangsa adalah perlu. ASEAN perlu memainkan peranannya sebagai negeri-negeri yang sedang membangun dan hendaklah menunjukkan kemampuannya tentang apakah scope dan bentuk perdagangan yang boleh didapati.

Saya ingin mengesyorkan bahawa bentuk perdagangan antara Negara-negara ASEAN ini perlu diperbesarkan. Kerjasama yang erat hendaklah diperluaskan. Ini boleh menjamin kestabilan harga antara Negara-negara ASEAN sendiri. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai perbekalan gula dari Australia. Kita tidak menapikan bahawa perbekalan gula ke Malaysia adalah perlu dan mustahak, tetapi dalam pada itu, kita hendaklah ingat bahawa sumber bekalan gula tidaklah semestinya ditumpukan kepada Australia sahaja. Sebaliknya kita hendaklah menumpukan perhatian kita bukan sahaja kepada Cuba, malah dengan negara-negara pengeluar gula di dunia. Filipina sebagai satu keluarga ASEAN, boleh membantu kita dalam memberi cukup bekalan gula kepada Malaysia.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh Aktiviti (3) Bahagian Penguatkuasa, muka surat 171 juga.

Bahagian ini sangatlah mustahak. Ia menjadi penggerak dan pengawal barang-barang. Saya menyentuh khusus mengenai penyorokan barang-barang. Terdapat seka-

rang ini sindiket penyorokan barang-barang yang kerjanya ialah untuk menyimpan barang-barang seberapa banyak yang boleh. Apabila barang-barang kurang di pasaran, harganya akan dinaikkan oleh pekedai-pekedai.

Saya rasa oleh kerana bekalan utama kepada rakyat adalah perkara mustahak, maka penyorokan barang-barang, sekiranya terdapat, hendaklah dikenakan hukuman seperti yang dikenakan kepada hukuman menyimpan senjata, satu hukuman yang paling berat untuk menghancurkan sindiket jenayah perdagangan ini yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang-barang. Di Vietnam dan di Afrika, penyorokan barang-barang ini dikenakan hukuman mati. Seajar dengan hakikat ini, hukuman seperti menyimpan senjata perlu dikenakan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, di bawah galakan perdagangan juga di muka surat yang sama, saya ingin menyentuh mengenai galakan pelaburan khususnya mengenai galakan ekspot, iaitu mengenai Elaun Susutan Dipercepat di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968. Adalah dihargai bahawa mana-mana syarikat samada bumiputra ataupun joint-venture yang mengekspot barang-barang mentah (primary commodity), hendaklah diberi galakan sepenuhnya oleh Kementerian. Didapati juga bahawa ada di antara syarikat-syarikat yang tidak mendapat galakan berupa kredit cukai pelaburan di bawah Akta tersebut. Saya rasa Kementerian hendaklah memberi pertimbangan sewajarnya mengenai kredit cukai pelaburan ke atas syarikat-syarikat yang mengekspot barang-barang mentah tersebut.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya peruntukan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini.

3.46 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, izinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan

kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya ingin menyentuh Kepala P. 25, Butiran 2 iaitu Perbadanan Kemajuan Pelancungan yang mendapat peruntukan sebanyak \$1,450,000. Dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyentuh Penyertaan Bumiputra dalam bidang Perusahaan Pelancungan dan beliau ada menyebut bahawa dari jumlah 580 agensi-agensi pelancungan yang berjalan sekarang 149 buah adalah dipunyai oleh Bumiputra. Malangnya, data-data yang diberikan secara kasar ini tidak boleh memberi gambaran penyertaan Bumiputra yang sebenarnya.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum agensi-agensi pelancungan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu bukan semuanya menjalankan jenis perniagaan yang sama. Ada yang menjalankan kegiatan menjual tiket kapalterbang (ticketing), ada yang menjalankan perusahaan penyewaan kenderaan pelancungan (transport operator) dan ada menjalankan perusahaan persiaran (tour operator). Dengan itu adalah lebih bermakna jika sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menurunkan pecahan-pecahan agensi pelancungan mengikut kegiatan-kegiatan utama yang saya sebutkan tadi.

Yang kedua, tiap-tiap jenis agensi pelancungan ini haruslah diberi pecahan-pecahan penyertaan Bumiputra dalam tiga segi, iaitu modal kewangan, pengurusannya dan lain-lain kakitangan. Jika sekiranya data-data yang lengkap seperti yang saya katakan tadi dapat disediakan, saya percaya kebanyakan daripada 149 buah agensi pelancungan ini kepunyaan Bumiputra ini adalah menjalankan kegiatan-kegiatan menjual tiket kapalterbang semata-mata. Saya juga percaya jumlah modal kewangan dan penyertaan pengurusan Bumiputra dalam kegiatan tour operator adalah amat kecil. Kegiatan di bidang ini telahpun dimonopoli oleh dua atau tiga agensi pelancungan gergasi kepunyaan 100% bukan Bumiputra.

Bidang ini adalah satu bidang yang dikatakan sangat capital intensive dan mempunyai risiko-risiko yang tinggi. Sebuah bas pesiaran berhawa dingin sahaja tidak dapat dibeli kurang daripada \$150,000. Perusahaan ini juga memerlukan expertise dan contact antarabangsa yang luas. Ini bermakna perusahaan ini tidak akan berjaya sekiranya Kerajaan tidak mengambil langkah yang berani dan lebih tegas lagi untuk menolong membimbing bumiputra. Saya sedar MAS MARA sebuah agensi Kerajaan telah menjalankan perusahaan ini beberapa tahun tetapi apa yang menyedihkan ialah setakat ini MAS MARA belum lagi dapat menandingi agensi-agensi pelancungan ini seperti Acme, Mayflower dan lain-lain syarikat pelancungan kepunyaan bukan bumiputra.

Yang Berhormat Timbalan Menteri ada juga menyentuh berkenaan dengan Pusat Latihan Hotel dan Restoran di bawah anjuran Pusat Daya Pengeluaran Negara. Bagi tahun 1978 peruntukan sebanyak \$800,000 telah diperuntukkan. Di sini saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji semula keputusan hendak mendirikan bangunan Pusat Latihan Hotel dan Restoran tersebut. Seperti Yang Berhormat Menteri sedia maklum Kerajaan telahpun mengambilalih Langkawi Country Club yang sekarang ini sedang dikendalikan oleh TDC (Perbadanan Kemajuan Pelancungan). Saya juga telah diberitahu bahawa setakat ini pihak TDC belum lagi dapat mengatasi kerugian besar yang telah dialami oleh hotel ini. Dengan itu adalah wajar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengkaji cadangan saya supaya Langkawi Country Club satu projek white elephant (gajah putih) ini dijadikan Pusat Latihan Hotel dan Restoran. Ini akan menjimatkan wang Kerajaan sebanyak \$5 juta mengikut taksiran keperluan menubuhkan pusat latihan tersebut. Saya juga sangat-sangat mengharapkan supaya program — latihan yang akan dikendalikan oleh Pusat Latihan Hotel dan Restoran ini dapat diselaraskan supaya tidak duplicate dengan program latihan yang sedang dijalankan oleh ITM.

3.53 *ptg.*

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Bekalan 25, Butiran 1100, Aktiviti (4) — Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan (Development and Promotion of Trade), (i) — Perdagangan Dalam Negeri, (ii) Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, di dalam Laporan Ekonomi kita bagi tahun 1977 dan 1978 ada tercatat iaitu bagi 7 bulan yang pertama di dalam tahun 1977 maka daripada jumlah equiti sebanyak \$130 juta yang dicadangkan untuk projek-projek yang telah diluluskan di dalam tempoh tersebut lebih kurang \$91 juta atau 70% merupakan pemodalan tempatan dan yang baki \$30 juta atau 30% merupakan pemodalan asing berbanding dengan 77% dan 23% masing-masingnya bagi jangka masa yang semua di dalam tahun 1976, dan di akhir tahun 1976 cuma 152 projek-projek atau 36% daripada 425 projek yang diluluskan di dalam tahun itu telah dilaksanakan. Daripada laporan yang tersebut di atas ini maka jelaslah bahawa warganegara kita melaporkan lebih banyak lagi di dalam negara ini daripada orang asing adalah lebih baik lagi berfaedah bagi pegawai-pegawai di dalam Kementerian kita memujuk pelabur-pelabur kita daripada menghantar deligasi demi deligasi keluar negeri. Untuk menggalakkan perdagangan adalah lebih lagi realistik sekiranya pegawai-pegawai perdagangan kita menyenangkan dan memberi segala pertolongan kepada pelabur-pelabur tempatan kita supaya mereka boleh membantu Kerajaan mewujudkan perkembangan ekonomi negara kita.

Sering kali kita mendengar daripada pelabur-pelabur tempatan yang mereka takut hendak memperluaskan perindustrian mereka yang ada sekarang ini jangankan hendak membina kilang-kilang baharu oleh kerana mereka menghadapi kelewatan berbangkit dari segi pentadbiran oleh pegawai-pegawai Kerajaan kita. Saya berharap pegawai-

pegawai Kerajaan akan mengambil langkah untuk memperbetulkan imej yang sedemikian rupa. Maka tidak ada gunanya bagi kita mengulangi memperkatakan kepada pelabur-pelabur tempatan supaya mereka melaburkan manakala mereka dihadapi dengan halangan-halangan seperti tersebut. Walaupun saya sedar bahawa perkembangan ekonomi Malaysia dijangka perlahan sedikit oleh sebab ia dipengaruhi oleh tekanan yang hebat dari peranan negara-negara perindustrian kepada keseluruhannya di mana diramalkan kelak berlakunya perkembangan ekonomi secara perlahan tetapi sungguhpun begitu saya merasakan bahawa kuatkuasa Akta Penyelesaian Perindustrian baharu-baharu ini telah menjadi satu sumbangan yang kuat kepada tiada keinginan pihak pelabur-pelabur tempatan untuk melabur. Saya berharap Kerajaan kita akan mengkaji semua keadaan ini dan mengambil langkah-langkah untuk mendatangkan kepercayaan kepada pelabur-pelabur tempatan supaya mereka kelak melaburkan lagi di dalam negara ini.

3.58 *ptg.*

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian di dalam Dewan ini dan di samping itu saya ingin menyampaikan tahniah di atas usaha-usaha Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai di Kementeriannya menyebabkan ekonomi negara kita telah beransur lebih baik daripada yang sudah.

Di dalam B. 25, Butiran 1100, Aktiviti (3) serta Butiran 2300 yang ada kaitannya juga untuk saya mengambil peluang di atas ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri dan laporan-laporan yang diterima daripada Kementerian.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Bahagian Penguatkuasa, di dalam hal ini, sejak anti-sorok dijalankan pada 1hb Mac, 1974 Kerajaan telah mendapat aduan sebanyak

8,000 dan di samping 8,000 jumlah kes dibawa ke mahkamah sebanyak 130, jumlah didapati bersalah daripadanya sebanyak 83 jumlah dibuang kes 11, jumlah yang ditarik balik 30, jumlah yang menunggu perbicaraan ada sebanyak 36. Daripada apa yang saya sebutkan tadi, ertinya Bahagian Penguatkuasa sudahpun memainkan peranan yang penting bagi menjaga kepentingan pengguna-pengguna yang disediakan oleh Kerajaan. Tetapi sungguhpun begitu, masih terdapat beberapa masalah lagi yang timbul yang sepatutnya boleh diselesaikan di dalam hal ini. Misalnya, Pegawai Penguatkuasa yang ditetapkan oleh Kementerian ini di dalam Negeri Perak sendiri yang berpusat hanya di Ipoh sahaja.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusi-kan Jawatankuasa*)

Apabila terjadi sesuatu masalah yang berlaku di negeri tersebut menyebabkan aduan-aduan dan sebagainya terpaksa dibuat di Ipoh dan Pegawai Penguatkuasa yang bertempat di Ipoh inilah yang akan melawat dari satu tempat ke satu tempat bagi seluruh negeri dan dimaklumkan negeri ini ialah satu kawasan yang luas dan tentulah menjadi masalah kepada mereka.

Tuan Pengerusi, misalnya, di Negeri Perak iaitu di daerah Larut, Matang, Selama yang meliputi kawasan Parlimen Larut, Taiping dan Matang yang pada masa ini, sehingga saat saya bercakap ini, di kawasan ini yang penduduknya suku juta orang pada masa ini khasnya penduduk-penduduk di luar bandar gelisah oleh sebab bekalan minyak gas tidak mencukupi bagi kawasan ini dan perkara ini sudahpun dikemukakan beberapa kali, tetapi sehingga saat ini tidak dapat lagi masalah itu diselesaikan, sungguhpun telah dibawa ke dalam satu mesyuarat peringkat daerah. Saya sedar di atas kesulitan Kementerian ini bagi menjaga khasnya daerah Larut Matang, Selama ini yang duduk jauhnya 185 batu daripada Kuala Lumpur tetapi jika sekiranya di daerah-daerah dilantik ataupun diadakan

oleh pihak Kementerian ini Pegawai Penguatkuasa dikhaskan bagi menjaga dari peringkat daerah-daerah, saya percaya masalah yang saya sebutkan ini boleh diatasi dan bukan hal minyak gas ini sahaja, masalah-masalah lain lagi yang berbangkit dari semasa ke semasa boleh diatasi oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, selain daripada ini, saya ingin juga menyebut berkenaan dengan hal pasaran gula yang dibeli daripada negara-negara lain yang ada mengeluarkan gula. Di dalam hal ini beberapa kali telah diperkatakan keadaan harga gula di dalam negara pada masa ini tinggi jika dibandingkan dengan pasaran ataupun harga gula daripada negara-negara lain. Kita sedar di atas kesulitan yang dihadapi oleh Yang Berhormat Menteri dan Kementerian ini pada masa ini kerana pihak Kerajaan khasnya Yang Berhormat Menteri pada tahun 1975 iaitu Yang Berhormat Menteri yang ada pada hari ini juga telahpun dapat menyelesaikan satu masalah besar pada masa tersebut kerana harga pasaran gula telah melambung tinggi bagi seluruh dunia yang pada masa itu harga gula sekati di antara \$1.00 dengan \$1.10 di negara-negara dalam dunia ini tetapi di Malaysia pada tahun itu tidakpun dibeli dengan harga \$1.00 ataupun \$1.10 hanya dibeli dengan harga 70 sen sahaja. Ini kerana Malaysia telah dapat membeli gula daripada sebuah negara dalam dunia yang dapat membantu kita pada masa tersebut ialah Australia, dengan harga satu tan metrik sebanyak \$2,412 yang pada negara-negara lain di dalam dunia dijual satu tan metrik sebanyak \$3,000. Ertinya kita telah mendapat gula dengan harga murah pada tahun itu dan menyebabkan rakyat kita telah dapat membeli gula dengan murah daripada negara-negara lain dalam dunia yang sepatutnya kita juga menerima akibatnya.

Kecekapan pada tahun 1975 yang dibuat perjanjian jangka pendek ini menyebabkan nama baik Kerajaan pada masa tersebut begitu harum dan oleh sebab itu saya mengambil peluang, bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat dari Larut, dari Taiping dan saya

sendiri mengucapkan tahniah di atas kecekapan ini pada tahun 1976 pihak Kerajaan telah membuat pula satu perjanjian jangka panjang bagi menjaga kepentingan rakyat di negara kita ini bagi tahun 1976 sehingga 1980 iaitu selama 5 tahun. Dalam perjanjian ini Kerajaan berkehendakkan sebanyak 1.65 juta tan dengan harga AS\$700 dan apabila perjanjian ini telah berjalan keadaan harga gula di negara kita telah mendapat dengan harga yang baik juga daripada negara-negara lain di dalam dunia. Tetapi apabila sampai tahun 1977, harga gula di pasaran dunia telah begitu menurun menjadi satu tan sebanyak AS\$200. Dengan harga yang sebanyak itu gula telah turun di pasaran dunia yang boleh dibeli sebanyak satu kati 50 sen sahaja tetapi di negara kita ini terpaksa dibeli dengan harga sebanyak 65 sen.

Jadi di atas angka-angka yang saya sebutkan ini ertinya harga gula di dalam negara kita ini terpaksa kita menerima harga seperti itu sehingga pada tahun 1980 jika masih lagi kita membeli gula daripada Australia. Sungguhpun pada tahun 1975 kita mendapat faedah yang banyak dan pada tahun 1976 sehingga pada tahun ini keadaan telah berlainan dan terpaksa jika sekiranya perjanjian seperti ini tidak dapat dirunding, disemak semula dengan pihak Kerajaan yang berkenaan, maka kita akan membeli gula dengan harga yang lebih daripada negara-negara yang lain dan sudah sampai masanya bukan sahaja saya bahkan sesiapa juga di dalam negara ini mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya perjanjian gula di antara negara ini dengan Negara Australia dapatlah dirunding semula supaya apa yang telah didapati keuntungan oleh pihak Australia daripada tahun 1976 sehingga tahun ini sudah mencukupilah untuk mereka dan sudah sampai masa mereka pula menimbangkan bagi mengurangkan harga gula di atas perjanjian yang masih ada di dalam negara kita.

Di samping itu saya percaya kemungkinan ada di dalam pengetahuan pihak Yang Berhormat Menteri supaya kita dapat gula ini

daripada negara-negara lain di dalam dunia jika sekiranya kita tidak mendapat gula daripada Negara Australia. Saya percaya jika sekiranya pihak Kerajaan dapat bersama-sama dengan Kerajaan Australia berunding bagi syarat-syarat baru supaya harga gula dapat dikurangkan selaras bukan sahaja dengan negara-negara di Asia bahkan negara-negara di dalam dunia pada masa ini.

Saya percaya jika sekiranya desakan ini dapat dibuat, ada kemungkinan Kerajaan Australia sebagai sebuah Kerajaan yang besar yang ada perhubungan rapat dengan kita dapat mempertimbangkan di atas permintaan kita dan pada masa hadapan dapatlah pula harga gula dikurangkan sepertimana yang saya katakan.

Tuan Pengerusi, di atas perkara-perkara lain yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya percaya sungguh-sungguh akan mendapat perhatian pihak Kerajaan terutama sekali di dalam bidang kemajuan bumiputra di dalam negara kita.

4.12 ptg.

Tuan Farn Seong Than (Sungei Besi): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa mengenai Belanjawan 1978 di atas peruntukan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Kepala B. 25, Butiran 1100, Aktiviti (2) — Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan.

Saya dapati iaitu satu tambahan berjumlah \$118,000 telah diuntukkan kepada Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan bagi tahun yang akan datang berbanding dengan sebanyak \$53,500 yang telah diuntukkan dalam tahun ini. Ini bererti satu tambahan sebanyak \$64,500 kepada Majlis ini bagi tahun yang akan datang. Walaupun tambahan wang diberikan kepada Majlis ini tetapi bagaimana berkesan perjalanannya dan tujuan Majlis ini, sejauh mana

perlindungan kepentingan pengguna-pengguna berkenaan, kita terpaksa menilai kemajuan atau perjalanannya di masa lalu semenjak ianya ditubuhkan.

Adalah dikesalkan bahawa pengguna-pengguna Malaysia sesungguhnya tidak sedar adanya Majlis seperti ini yang sepatutnya menjadi barisan hadapan pergerakan pengguna.

Pertama, ini adalah disebabkan kekurangan publicity dan kemudahan-kemudahan majlis ini tidak digunakan oleh orang ramai atau pengguna.

Sebaliknya, kita dapati di tengah-tengah kita banyak persatuan pengguna di dalam semua negeri yang diketuai oleh OMCA (Persatuan Pengguna Malaysia) dengan menghormati persatuan-persatuan pengguna ini adalah jelas bahawa kekuatan mengurus persatuan pengguna sangat terhad selagi tiada tunjuk ajar yang sempurna dan bantuan kewangan dari Kerajaan. Apa yang lebih penting, Kerajaan sepatutnya memberi kuasa kepada Persatuan Pengguna untuk memeriksa atau menyasiat dalam tugas mereka.

Tuan Pengerusi, tugas mereka yang tunggal sekarang ialah untuk mencurahkan rasa dukacita atau kesal mereka melalui akhbar apabila berlaku sebarang kenaikan yang tidak adil ke atas sesuatu barang keperluan. Sekiranya Kerajaan benar-benar jujur dalam menggalakkan pergerakan persatuan pengguna mestilah menghebahkan tujuan dan tugas-tugas Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Majlis ini juga mestilah menjadi satu badan yang action-oriented dan bukannya sebagai badan penasihat sepertimana namanya diberikan. Dia mesti sentiasa bertindak sebagai pemerhati (watch-dog) untuk menentukan tidak berlaku sebarang kenaikan harga yang begitu sahaja ke atas barang-barang keperluan. Lagi pun ia sepatutnya mengkaji dari semasa ke semasa harga barang-barang dan memberi nasihat kepada Kementerian Perdagangan dan Per-

industrian untuk mengawal harga-harga mengikut belanja pengeluarannya. Memandang bahawa Majlis ini ialah untuk melindungi kepentingan pengguna, oleh itu adalah perlu mengadakan bilangan perwakilan pengguna yang adil di dalam Majlis ini terutama sekali dari kalangan persatuan pengguna. Majlis ini juga hendaklah sentiasa mengambil tindakan ke atas pendapatan umum dan hendaklah sentiasa bersedia bercakap menentang keputusan Kerajaan untuk membenarkan kenaikan harga ke atas barang-barang keperluan sekiranya terdapat ketidakadilan dalam kenaikan harga itu.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 1100, Aktiviti (4) mengenai Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan, suka saya membuat beberapa perhatian ke atas perdagangan antarabangsa. Usaha mengembangkan perdagangan antarabangsa dengan negara-negara lain terutama sekali dari segi perjanjian jangka masa yang lama dalam impot dan eksport bukanlah satu perkara yang mudah. Oleh itu wakil kita di Persidangan Perdagangan di dalam dan di luar negeri mestilah berhati-hati dan memandang jauh sebelum menandatangani sebarang kontrak jangka panjang dengan negara-negara lain yang hanya akan melibatkan kita terpaksa membayar lebih dari yang perlu sekiranya berlaku sebarang kejatuhan harga dalam pasaran dunia seperti yang telah berlaku ke atas gula. Gula masih dijual dengan harga 60 sen sekati seperti juga dalam tahun 1974, apabila harga gula mentah dalam pasaran dunia ialah \$1,622.50 sen satu tan. Sebab itu telah berlaku kejatuhan harga sehingga ke paras lebih kurang \$1,111.96 satu tan dalam tahun 1975 dan \$680.10 satu tan tahun 1976, \$508.90 satu tan dalam bahagian pertama tahun ini.

Di bawah harga pasaran dunia hari ini Malaysia sepatutnya tidak membayar lebih dari 40 sen sekati gula yang mana adalah satu barang keperluan yang telah meninggikan taraf hidup rakyat yang miskin. Saya suka mendapat tahu dalam satu kenyataan

baru-baru ini oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian bahawa Malaysia akan menghala ke Cuba untuk membeli gula yang lebih murah sekiranya kita gagal untuk berunding semula dengan Kerajaan Australia. Untuk mengurangkan harga gula sesuai dengan harga pasaran dunia, sementara itu Kerajaan mestilah mendesak untuk berunding semula perjanjian gula dengan Australia di mana Malaysia telah mengaku membeli 1.65 tan gula dari Queensland selama tempoh 6 tahun sehingga tahun 1980 dengan harga \$814.50 satu tan. Sekiranya kita gagal mendapat sebarang sambutan dari Lembaga Gula Australia ini kita mestilah jangan menunggu lagi untuk membatalkan perjanjian dengan mereka dan kemudian mencari lain-lain galakan dari negara-negara lain yang menjual dengan harga yang lebih berpatutan.

4.22 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam perbincangan mengenai peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini, saya suka menyebut satu dua perkara sahaja.

Yang pertama, saya suka menyentuh Kepala B. 25, Butiran 1100, Aktiviti (2) dan (3).

Tuan Pengerusi, mengenai Aktiviti (2) dalam perkara Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Dalam perkara ini saya dahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak yang berkenaan dalam menjalankan usaha-usaha mengenai mengawal ataupun memberi pertolongan, memberi khidmat nasihat kepada pengguna-pengguna. Walau bagaimanapun, masalah ini adalah masalah yang terkena secara langsung kepada rakyat dalam negeri ini, baik rakyat daripada golongan atasan mahupun golongan berpendapatan rendah, sebab dalam perlaksanaannya masih banyak lagi pihak peniaga-peniaga yang mengambil

kesempatan dalam kawalan ataupun nasihat yang diberi oleh Kementerian ini. Tetapi peniaga-peniaga masih mengambil kesempatan dengan mengambil keuntungan yang berganda-ganda daripada perniagaan mereka, sehingga setengah-setengah daripada barang-barang telah diambil kesempatan oleh peniaga-peniaga semasa barang-barang yang tertentu berkurangan.

Umpamanya, di dalam negara kita ini selalu kekurangan simen, semasa kekurangan simen walaupun kita sedar Kementerian ini ber-sungguh-sungguh mengawal harga tetapi pihak orang tengah ataupun peniaga-peniaga ini mengambil kesempatan selain daripada menyembunyi simen-simen ini dengan banyak menaikkan harga dengan berlebih-lebihan.

Perkara ini selalu ditimbulkan di dalam Parlimen, ini selalu diakui oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan saya sedar di dalam perkara ini. Apa yang saya mahu supaya pihak Kementerian ini dapat menambah lagi kakitangannya dan mencari jalan yang lebih baik ataupun dengan mengenakan hukum-hukum yang lebih berat kepada manusia-manusia ataupun peniaga-peniaga yang seperti ini yang selalu sangat mengambil kesempatan dalam masaalah-masaalah kecemasan sedangkan pembangunan dalam negara kita ini sedang membangun dengan pesat.

Masaalah simen umpamanya satu masalah yang perlu kalau tidak ada simen ertinya buruh-buruh tidak dapat bekerja. Jadi tentulah perkara ini menjadi satu hubungan yang rapat dengan orang ramai dan sudah tentu kontrektor umpamanya apabila mereka mendapat simen dengan harga yang tinggi sudah tentu mereka akan menaikkan harga bangunan itu pula. Jadi inilah masaalah-masaalahnya dan saya sebut simen itu adalah salah satu dari contoh sahaja, saya tidak bercadang hendak menyebut banyak perkara sebab banyak perkara yang sedang berlaku dan masih berlaku di dalam negara kita ini.

Saya tidak menafikan usaha bersungguh-sungguh Kementerian ini, apa yang saya rayu ialah usaha yang diberi setakat ini pada pandangan saya belum mencukupi lagi.

Bagi mengawal dengan sepenuhnya supaya dapat memberi menafaat dan memberi kesan yang sebaik-baiknya kepada pengguna-pengguna, begitu juga dalam masalah tanda harga, saya nampak keadaan sekarang ini peraturan tanda harga ini diambil kesempatan oleh peniaga-peniaga. Di dalam niat yang baik oleh Kerajaan dengan membuat peraturan-peraturan tanda harga pihak peniaga-peniaga pula mengambil kesempatan dengan meletak harga yang tidak berpatutan kepada satu-satu barang, dan ini kita boleh dapati di mana-mana. Rakyat biasa apabila masuk satu-satu kedai yang mempunyai tanda harga mereka itu mempercayai bahawa harga yang ditaruh atau harga yang diletak di satu-satu barang itu adalah harga yang dikawal, ertinya sudah tentulah pihak Kerajaan mengawalkan satu barang ini dengan memberi keuntungan yang berpatutan, tidak memberi peluang kepada peniaga ini untuk mengambil keuntungan yang tidak berpatutan.

Jadi dalam urusan pembelian ini mereka itu tidak banyak kira bicara. Kalau minta diskaun pun tentulah taukeh kata ini sudah harga tetap, tidak dapat dikurangkan lagi, yang selalu menjadi mangsa ialah kepada pembeli-pembeli yang tidak berpengalaman dalam membelanjakan wang mereka. Saya rasa ini juga patut menjadi tanggungjawab yang sepenuhnya kepada Kementerian ini bagi menentukan samada patut harga yang diletak di atas satu-satu barang itu. Kalau setakat kita atau Kerajaan mengawal supaya diletak tanda harga sahaja sedangkan harga itu dibiarkan kepada pihak peniaga ini meletak sesuka hati mereka, saya fikir ini tidak banyak memberi menafaat kepada pengguna-pengguna sebab pekedai-pekedai boleh meletak tanda harga dengan sesuka hati mereka dan dengan cara ini lebih senang kepada peniaga-peniaga ini untuk menipu orang ramai dalam memutarbelitkan tanda harga

dan kadang-kadang kita dapati dicampur-adukan di antara barang-barang yang bermutu baik, bermutu tinggi dengan barang-barang yang bermutu rendah dan diletak harga yang sama. Ini sudah tentu kepada pengguna-pengguna yang kurang pengalaman akan menjadi mangsa kepada peniaga-peniaga. Saya merayu kepada Kementerian ini supaya mengambil tanggungjawab yang lebih dalam perkara ini supaya dapat memberi pertolongan yang berkesan kepada pengguna-pengguna.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya suka sentuh mengenai Aktiviti (3) Bahagian Penguatkuasa. Ini selalu benar dicakapkan sebagaimana saudara saya dari Matang menyentuh mengenai keputusan kerumitan mendapatkan minyak gas umpamanya. Apa yang saya hendak sentuh di sini ialah selalu sangat terdapat pertentangan di antara kenyataan yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasa dengan kenyataan yang terdapat di kawasan-kawasan setempat. Saya suka mencontohkan, umpamanya baru-baru ini di Trengganu timbul masalah keputusan minyak tanah, ini juga sama seperti negeri lain sedangkan minyak tanah sukar didapati di Trengganu. Pada masa itu juga pihak penguatkuasa ini mengeluarkan kenyataan dalam suratkhbar minyak tanah di Trengganu cukup, tidak menjadi masalah tetapi apabila kita hendak menghubungi Bahagian Penguatkuasa ini kalau pada masa-masa yang seperti itu kepada saya memang sukar benar. Kalau tiga empat kali kita hubungi satu hari setakat yang telah saya cuba ini tidak dapat berjumpa, mungkin pada masa itu juga pegawai ini bertugas dengan sibuk tetapi ketbetulan apabila masalah ini sedang hangat orang ramai mencari minyak tanah ini tidak ada. Yang sedihnya pihak penguatkuasa ini mengeluarkan kenyataan dalam suratkhbar mengatakan minyak tanah ini tidak menjadi masalah di Trengganu, yang menjadi mangsa ialah setengah-setengah Wakil Rakyat menjadi tumpuan bagaimana keadaan ini berlaku. Kita hendak cuba menghubungi pegawai yang berkenaan memang setakat yang

saya cuba kalau dalam masa sibuk tidak dapat saya hubungi, tidak berjumpa, mungkin dia sibuk, saya tidak hendak menuduh apa-apa, mungkin dia sibuk sangat pada masa-masa itu. Saya mengharapkan pada masa-masa yang akan datang apabila kenyataan-kenyataan hendak dibuat supaya menyelidiki benar-benar bekalan ini cukup dan di mana orang ramai boleh dapati. Kalau pihak Kementerian ini tidak mengeluarkan kenyataan saya fikir tidaklah menjadi berat sangat, kadang-kadang orang ramai cari memang tidak dapat, susah hendak beli tetapi yang bertambah berat kerana pihak berkenaan mengeluarkan kenyataan. Saya mengharapkan di masa-masa yang akan datang perkara-perkara yang sensitif seperti ini pihak-pihak yang bertanggungjawab tolong berhati-hati supaya jangan menaikkan kemarahan orang ramai ataupun mengurangkan kepercayaan kepada pihak yang bertanggungjawab. Saya yakin dan percaya tentulah kita semua yang bertanggungjawab ini mahu kepada keadaan itu berjalan dengan sempurna dan baik.

Satu perkara lagi yang saya suka sebut di sini sekira mendapat keizinan daripada Tuan Pengerusi iaitu mengenai Kepala P. 25, Butiran 5 — Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia. Saya nampak di sini peruntukan tidak diminta pada tahun 1978, begitu juga pada tahun 1977 tetapi butirannya ada di sini, itu yang saya hendak minta kebenaran daripada Tuan Pengerusi untuk menyentuh sedikit. Tujuan saya hendak menyentuh ini supaya pihak Kementerian ini dapat meminta peruntukan pada tahun hadapan. Saya sedar bahawa tahun ini tidak ada peruntukan tanda walaupun satu sen mengenai butiran ini tetapi saya hendak minta supaya Kementerian ini diperuntukkan pada tahun hadapan sebab saya tahu perkara ini masih ada dan sedang berjalan di bawah tanggungan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, kalau pada zaman kegemilangan syarikat ini ataupun yang disebut ringkasnya ialah MBHB, pada masa itu saya dapati pihak pembatik-pembatik dalam

Malaysia ini banyak meletakkan harapan kepada syarikat ini dan setahu saya banyak daripada pengusaha-pengusaha batik yang telah mengeluarkan ataupun membeli syer-syernya ke dalam syarikat itu. Mengikut apa yang saya tahu syarikat ini masih terus berjalan sehingga sekarang walaupun keadaannya amat lemah sekali dan mungkin pihak Kementerian ini dapat memberi penjelasan minta samada pihak Kementerian ini ber-cadang untuk menutup terus syarikat ini ataupun bersedia untuk memelihara dan menghidupkan kembali syarikat ini. Saya rasa ingin benar mendapat penjelasan yang terusterang daripada pihak yang berkenaan sebab kalau sekadar yang ada sekarang ini saya rasa sudah tentu MBHB ini akan menuju kepada penutupan.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu di mana letak salahnya syarikat yang digalak, yang didokong oleh Kerajaan sendiri tetapi tidak dapat hidup dengan baik sebab saya tahu pada masa dahulu syarikat ini dapat membuat hubungan dengan luar negeri, ertinya berusaha untuk mengeksport batik-batik daripada Malaysia ini keluar negeri dan memang apa yang diberitahu beberapa kali dalam Dewan ini juga sambutannya baik dan dapat memberi pertolongan, bimbingan kepada pengusaha-pengusaha batik. Sedang syarikat ini maju dan dapat memberi pertolongan kepada pengusaha-pengusaha batik, tiba-tiba terasa menurun dan sehingga sekarang ini saya dapati syarikat ini sudah tidak berupaya lagi untuk memberi bantuan ataupun memberi pertolongan kepada pengusaha-pengusaha batik bahkan syarikat ini sendiripun barangkali berjalan dengan keadaan yang lemah sekali.

Jadi kalau dapatlah diterangkan apakah salahnya dan di manakah silapnya, adakah Syarikat ini juga sama dengan Syarikat-syarikat lain ataupun perbadanan-perbadanan atau Syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang saya tidak berani mengatakan keseluruhannya tetapi hampir-hampir keseluruhannya menanggung

kerugian. Adakah nasib Syarikat ini sama juga dengan Syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang diberi modal oleh Kerajaan Negeri, diberi pinjaman oleh Kerajaan tetapi akhirnya Syarikat-syarikat ini menanggung kerugian dari semasa ke semasa dan akhirnya ditutup.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Sila teruskan dan membaca kuat sedikit.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya mengharapkan kepada Kerajaan supaya memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara lagi.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Sila pendekkan ucapan Yang Berhormat. Saya hendak tangguhkan mesyuarat ini sekarang, kerana bekalan letrik terputus. Kalau panjang, saya bimbang....

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Saya pun hendak pendekkan ucapan saya ini. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab yang membuat kajian semula bagi menentukan satu-satu Syarikat yang diberi pinjaman oleh Kerajaan itu samada berjalan dengan betul atau tidak. Dan kalau didapati di mana salah untuk dibetulkan, tolong perbetulkan dengan secepatnya supaya syarikat ini dapat hidup dengan maju. Dan kalau sudah betul-betul dibuat kajian tidak juga dapat dihidupkan, tidak juga dapat disambung nafasnya, dan tidak dapat hendak diubah lagi, saya rasa lebih baik matikan cepat-cepat, sebab syarikat ini terlibat dengan wang Kerajaan dan wang orang ramai.

Saya dapati banyak benar dan saya tidak hendak tujuan kepada Syarikat ini sahaja tetapi oleh kerana butir-butirnya ada di sini dan saya nampak benar bahawa syarikat-syarikat seperti ini banyak menanggung kerugian dan pihak Kerajaan, saya tahulah, hasrat Kerajaan memanglah tujuannya baik

dan pada mulanya memang baik dapat memberi pertolongan, dapat memberi bantuan kepada orang ramai dan menghidupkan Syarikat ini dan saya rasa tentulah Kementerian ini sebagai bapa kalau dinasibahkan sebagai bapa, kalau hendak dinasibahkan sebagai guru, sebagai guru, kalau hendak dinasibahkan penasihat, sebagai penasihat, saya rasa malulah kepada kita kalau di bawah tanggungan guru sendiri, tanggungan bapa sendiri, tanggungan penasihat sendiri tiba-tiba berjalan tidak maju. Bagaimana kita hendak nasihatkan kepada orang lain, menasihat kepada orang ramai yang sebenarnya yang di bawah yang kita boleh kata hitam-hitam; yang kita kata putih-putih, ini pun tidak dapat hidup. Cuma kalau kita hendak nasihat kepada orang ramai sahaja tentulah susah. Orang lihat apa yang kita buat tidak hidup, kita hendak beri nasihat kepada orang lain untuk menjalankan supaya boleh hidup, saya rasa dari segi logik-nya susah.

Tuan Pengerusi, dengan sebab itu saya merayu kepada Kementerian ini kalau hendak dihidupkan, saya mencadangkan supaya dapat diperhidupkan, dapat disuburkan kembali dan kembalikan syarikat ini kepada zaman kegemilangannya dahulu dan saya cadangkan supaya Kementerian ini minta lagi peruntukan pada tahun hadapan. Dimasukkan peruntukan pada tahun hadapan ini, jangan tutup Syarikat ini, beri nasihat betul-betul, jaga betul-betul. Sebab saya tahu misalnya MARA seperti itu juga, beri pinjaman. Walaupun ia beri pinjaman kadang-kadang mati, kadang-kadang tidak berbayar tidak ada pulang balik duit, tetapi MARA ini, saya puji juga. Orang tidak beri balik, tidak bayar balik pun ia terus beri pinjaman juga kepada orang lain. Saya harap Kementerian ini pun macam itu juga.

Kita boleh puji walaupun nampaknya lama-lama mundur tolong bantu hidupkan balik, bubuh baja dan suburkan balik, kembalikan Syarikat ini kepada zaman kegemilangannya

dahulu supaya dapat memberi bantuan. Sebagaimana yang kita tahu sekarang ini memang pengusaha-pengusaha batik di seluruh tanah air kita ini sedang menghadapi kesukaran untuk hidup. Kalau disuburkan Syarikat ini, saya yakin pengusaha-pengusaha batik kalau tidak keseluruhannya pun setengah-setengah daripadanya dapat bergantung hidup kembali.

Itulah sahaja harapan saya dan saya menyokong apa yang dituntut oleh Kementerian ini.

4.47 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan yang dipohon oleh Kementerian ini, saya cuma ingin menyentuh Kepala B. 25, Butiran 1100, Aktiviti (10) Penyertaan Bumiputra (Bumiputra Participation). Dengan adanya Bahagian ini, saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan telah mengiktirafkan bahawasanya kaum bumiputra telah begitu mundur, begitu kebelakangan dalam bidang perniagaan. Oleh sebab itulah ia tidak ada satu Bahagian Penyertaan Bukan Bumiputra, cuma Bahagian Penyertaan Bumiputra sahaja.

Kalau kita baca daripada Laporan Anggaran Belanjawan, Bahagian ini ialah bertujuan membantu dan mengawasi penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Ini satu perkara yang elok dan saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana mengadakan satu Bahagian yang begitu baik. Tetapi kalau kita selidik betul-betul kita dapati bahawa Bahagian ini tidak ada apa yang hendak beri. Dia tidak ada kuasa mengeluarkan lesen, tidak ada kuasa mengeluarkan permit, dan tidak ada kuasa mengeluarkan apa-apa kecuali membantu dan mengawasi. Dan setakat ini kita tidak tahu cara macam manakah Bahagian ini menjalankan perannya sebab mengikut pengalaman siksanya benar kaum-kaum bumiputra hendak menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Mungkin kerana perniagaan melibatkan

berbagai-bagai Jabatan seperti Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Kenderaan Jalanraya, LPN dan sebagainya.

Oleh sebab itu dengan adanya kegelisahan, dengan adanya kesiksaan yang dihadapi oleh kaum bumiputra apabila mereka menyambut seruan Kerajaan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan, saya yakin dan percaya bahawasanya Jabatan-jabatan yang berkenaan ini tidak tahu atau jahil di atas dasar Kerajaan iaitu menggalakkan bumiputra menyertai dalam bidang perniagaan, perindustrian dan perdagangan. Oleh sebab itu wajar sangatlah Bahagian ini mengadakan kursus-kursus kepada Jabatan-jabatan yang ada berkaitan dengan mengeluarkan lesen, permit dan sebagainya. Kalau tidak selagi itulah Jabatan-jabatan ini sebegitu jahil dalam peranan mereka untuk membantu bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Misalnya, hendak membaharui lesen kedai makan, ini satu contoh yang kecil.

Pihak yang berkenaan datang periksa, suruh cat lain, cat yang baharu pada hal kedai makan itu pada ketika itu belum kotor, belum hodoh, tetapi dikehendaki dicat semula.

Pihak yang berkehendakkan syarat ini ialah Kuasa Tempatan, mereka ini juga perlu diberi kursus oleh Bahagian ini. Meminta permit sekolah memandu kereta, bukan hendak minta 10-20 buah permit lori. Tidak. Meminta permit driving school 8 bulan belum diketahui ke mana. Jabatan ini juga perlu diberi kursus kerana kejahilan mereka di atas peranan mereka membantu bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Lesen penjaja menjual buah di tepi jalan yang dikeluarkan oleh Penguasa Tempatan, pemohon terpaksa menghantar surat kepada Timbalan Perdana Menteri baru mendapat lesen menjaja buah di tepi jalan. Mereka ini juga patut diberi kursus oleh Bahagian ini. Masaalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor bumiputra, bukan kontraktor

Kelas A, mereka itu sudah gergasi, tak susah. Ini kontraktor kecil. Apabila kerja sudah siap dan sudah selesai, timbul pula masalah pembayaran. Pembayaran ini dilewat-lewatkan oleh pihak berkenaan; mungkin Bank Negara, mungkin Treasury, kadang-kadang sengaja dilewat-lewatkan kerana baucer itu tak betul, typing error, tahan seminggu lagi. Mereka ini juga jahil dalam peranan mereka menolong atau membantu bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Ajensi kewangan kita melaung-laungkan di Dewan yang mulia ini juga bahawasanya ada satu ajensi dinamakan Credit Guarantee Corporation, kalau pinjam di bawah \$30,000 tanpa cagaran dan diistiharkan ke seluruh negara melalui Radio, T.V. dan suratkhbar dan sebagainya. Pergilah hamba Allah bumiputra hendak pinjaman dan disetujui oleh CGC untuk menjadi penjamin (guarantor) tetapi apabila sampai di bank, dia mesti ada security, mesti ada geran tanah dan sebagainya. Inilah pahitnya kaum bumiputra untuk menyertai dalam bidang perniagaan.

Begitu juga cara jabatan-jabatan Kerajaan menjalankan tugas, mana yang dikehendaki dahulu, misalnya seorang hendak minta permit lesen berniaga beras. Syarat yang pertama mesti ada sijil daripada Pendaftar Perniagaan. Hamba Allah ini pergi buat permohonan, saya ingat kena \$52, dapatlah Business Registration Certificate. Lepas itu datang jawapan mengatakan dukacita permohonan tuan tak dapat dilayani. Kalaupun macam itu adakah perlu memaksa hamba Allah ini pergi mendaftar perniagaannya dahulu? Yang mana yang dahulu dikehendaki? Kalau Jabatan Kerajaan sendiri tak tahu yang mana yang dahulu, macam mana kita hendak harapkan peniaga-peniaga kecil dan pengusaha-pengusaha kecil bumiputra hendak tahu dalam hal ini?

Saya ingat mereka ini juga mesti diberi kursus oleh Bahagian ini kerana kejahilan mereka di atas tugas dan peranan mereka dalam membantu kaum bumiputra dalam

bidang perniagaan. Selagi perkara ini tak dapat diatasi, kita tak usahlah melaung-laungkan bahawasanya Kerajaan hendak membantu bumiputra. Ini cuma omong-omong kosong. Kita tak tahu di mana yang salah, samada pihak LPN salah kerana memerlukan Sijil Pendaftaran Perniagaan dahulu ataupun siapa yang salah? Kita hendak salahkan ibu mengandung tak boleh disalahkan. Kita hendak salahkan bidan menyambut tak boleh juga. Jadi yang mana yang salah? Siapa yang salah? Dan ini pada faham saya ialah tugas Bahagian Penyertaan Bumiputra mencari di mana yang salah. Ibu mengandunglah salah ataupun bidan menyambut yang salah? Di mana sakitnya, sebab sakit sudah pasti ada sakit. Sebab kalau badan kita berpeluh dalam air sudah tentu badan itu badan yang sakit. Kalau badan sihat tidak akan berpeluh dalam air. Oleh sebab itu, saya berseru bersungguh-sungguh kepada Kementerian ini khasnya Bahagian Penyertaan Bumiputra supaya menyelidiki betul-betul samada peranan mereka sekarang betul-betul berkesan, bukan setakat mencari peluang-peluang di sektor swasta yang berbentuk equity pengedaran barang-barang, pekerjaan dan sebagainya. Bukan setakat itu sahaja sebab mereka dipertugaskan membantu dan mengawasi penyertaan bumiputra. Makna membantu ialah sehingga hajat seseorang itu yang membuat sesuatu permohonan dapat ditepati. Itu makna membantu. Kalau tidak kita cuma melaung-laungkan, cuma omong-omong kosong dan selagi itulah dia akan berulang-ulang tak dapat diselesaikan kerana berulangnya bahawa Bahagian Penyertaan Bumiputra cuma ada dalam Kementerian ini sahaja; selain dari Kementerian ini tidak ada. Oleh sebab itu, mungkin mereka begitu jahil dalam tugas dan peranan mereka untuk membantu kaum bumiputra.

Saya tidak mahu panjangkan lagi, Tuan Pengerusi, sekali lagi saya menyeru kepada Kementerian, khasnya Bahagian ini mencari di manakah salahnya sehingga begitu siksa, begitu pahit seorang bumiputra terutama

bumiputra yang kecil-kecil untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Kadang-kadang kalau kita selidik semula bumiputra ini tak berbeza daripada Rama-putra, cuma yang ada bezanya yang dapat faedah, mungkin saya silap, kalau silap saya minta maaf, cuma yang dapat faedah mungkin Tengku-putra, Syed-putra, Tan Sri-putra, EXCO-putra — bukan bumiputra. Bila sampai peringkat bumiputra, keadaannya tidak berbeza di antara bumiputra dengan Rama-putra atau Ah Kau-putra.

4.56 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian berkenaan.

Di samping itu juga saya akan bercakap berkenaan Aktiviti (2) Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Walaupun perkara ini telah banyak dicakapkan oleh Ahli-ahli yang lain, saya berpendapat dari segi pelindung pengguna ini amatlah perlu pada peringkat pusat tetapi yang lebih perlu pada seluruh negara khususnya ialah di luar bandar kerana pada pendapat saya yang membincangkan soal mengguna ataupun membeli benda lebih mahal ataupun yang lebih murah ialah penduduk luar bandar yang mana pendapatannya rendah. Sebab saya katakan begitu bagi penduduk bandar ataupun golongan pertengahan dan atasan berlainan.

Saya kerap ke Kuala Lumpur, kadang-kadang saya tersenyum sendiri tentang bayaran makan di kedai-kedai pakai tip, bukan sekadar minta kurang. Kalau kita makan di kedai macam di tempat yang istimewa di dalam bandar, ada tip pula selain daripada harga yang telah ditetapkan itu; kalau diambil duit lebih tak gentleman. Ini menunjukkan kepada penduduk bandar dalam masalah pengguna tak timbul sehingga benda yang harganya tetap juga di-bayar lebih, konon hendak menjaga taraf.

Tetapi bagi penduduk di luar bandar taraf adalah soal nombor dua. Masalah penting yang mustahak ialah soal nombor satu. Dengan sebab itu saya merayu kepada Menteri yang berkenaan, dari segi perlindungan hendaklah ditubuhkan sekurang-kurangnya tiap-tiap negeri dan sebaik-baiknya di tiap-tiap kawasan diletakkan seorang sebagai Penghulu, diberi elaun tambahan untuk menjalankan tugas sebagai Setiausaha Perlindungan Pengguna ataupun Pengerusi Perlindungan Pengguna dengan memberi nasihat kepada penduduk kampung apa yang patut diambil kalau ada satu-satu Pengusaha yang membuat tindakan tidak patut menjualkan harga yang lebih. Tetapi hari ini kita pakai seru sahaja, siapa yang hendak pegang seruan itu. Wakil Rakyat, Penghulu Mukim, tidak ketahuan, tiada tempat hendak dituju. Saya berharap sebagai asasnya pegang satu hamba Allah, lebih tepatnya saya syorkan janganlah Wakil Rakyat, kerana kita ini Wakil Rakyat berparti-parti biar satu orang yang dapat menumpukan kepada rakyat seperti Penghulu Mukim dan sebagainya. Ini untuk mengatasi masalah-masalah pengguna. Saya berharap sangat sepertimana saya katakan tadi dapat dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan.

Yang kedua, saya bercakap secara ringkas mengenai Bahagian Penguatkuasa. Telah banyak dicakapkan oleh kawan-kawan saya berkenaan dengan minyak tanah atau minyak gas. Masalah ini berbangkit, kata kawasan Ahli dari Matang tadi. Saya juga sebagai Wakil Rakyat, kerana bila tidak cukup, kita akan ditanya oleh rakyat. Tetapi kadang-kadang sampai sehari tidak ada minyak gas. Orang kampung bertanya saya, mana minyak gas Yang Berhormat. Saya jawab, saya sendiripun tak tahu, cari di kedaipun tidak dapat lagi. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Ahli dari Ulu Nerus dan Ahli dari Matang adalah selari, bolehlah kita buat kesimpulan kalau di Utara Malaysia sebutnya sama, tengah Malaysia sebut sama, Pantai Timur Malaysia pun sebut sama, boleh dikatakan cara terus-terang harus seluruh Malaysia ini sama. Dengan sebab itu saya minta kepada

Menteri yang berkenaan dan saya percaya Menteri yang baik budi buat satu azam di petang yang mulia ini, kalau kita biasa buat perang urat saraf, petang ini buat satu perang, hendak mencukupkan minyak tanah. Kalau didapati ada orang sembunyi, tindakan sewajarnya akan diambil.

Hari ini masalah kami penduduk di luar bandar amatlah dukacita, sudahlah letrik tiada, minyak tanahpun tiada, kelamlah kita. Dalam Dewan ini kelam dalam lima minit tadi muka masing-masing naik pucat tambah di luar bandar kelam tidak ketahuan minit, fikir sendirilah sama-sama.

Saya fikir soal minyak getah biasa kita buat di zaman Jepun dahulu. Ini masalah orang kampung. Setakat itu belum jadi lagi tetapi saya fikir boleh jadi satu hari. Kalau hendak dikatakan jadi kadang-kadang minyak tanah itu ada. Bila dicari-cari dua tiga hari dapat. Boleh jadi kumpulan peniaga ini, Bahagian Penguatkuasa agak saya memainkan peranan yang penting, disembunyikan dahulu, kadang-kadang bila orang berkehendakkan segera maka mereka naikkan harga. Inilah peranan yang dimainkan. Saya berharap kepada Bahagian Penguatkuasa yang menjalankan tugas atas perkara ini untuk mengambil berat dengan sesungguhnya dan saya harap sebagaimana saya katakan tadi, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan walaupun soal minyak tanah, soal minyak gas, soal gas, kita katakan soal kecil, tetapi penduduk di luar bandar, saya berani berkata dalam Malaysia kita ini, Kuala Lumpur ini banyak mana sangat, di luar bandar lebih banyak lagi. Walaupun perkara itu kecil, tetapi penduduk luar bandar kalaulah esok Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membuat satu pengumuman, ia akan beri jaminan yang minyak tanah ini betul-betul tidak akan berlaku seperti sekarang ini. Tetapi jaminan ini hendaklah jaminan yang betul kalau puak peniaga ini sembunyi lagi, sorok lagi, tangkap, jangan diberi lesen. Manusia ini memang hendak untung, kalau ditangkap ia tidak buat lagi. Kadang-kadang mereka sembunyikan

kita pakai tengok-tengok sahaja. Hukuman inilah yang hendak dikenakan.

Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan Butiran (6) Kemajuan Perindustrian.

Saya mengucapkan syukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada Menteri-menteri yang berkenaan dan Kerajaan yang mana Perlis walaupun kecil, sudah ada dua kilang sekarang ini iaitu kilang simen dan gula. Siapa melawat Perlis mereka akan dibawa melawat kilang simen dan kilang gula. Kadang-kadang dihadiahkan gula. Maklumlah Perlis ini kecil, itulah sahaja keluaran yang ada. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan kalau ada peluang-peluang yang baik untuk mendirikan kilang di luar-luar bandar, hantarlah ke Perlis, kerana di sana ada bahan-bahan tempatan seperti jerami dan sebagainya. Itu yang saya harap sangat dan yang agak bersesuaian.

Yang kedua mengenai kilang tebu. Untungnya banyak. Saya dapat tahu sampai \$4 juta lebih setahun, kalau tidak silap pada tahun 1975. Tetapi dukacita dinyatakan bahawa gaji buruh-buruh kasar dibayar dengan sewenang-wenangnya. Kalau pergi kerja terlewat lima minit, dihambat dengan begitu sahaja, tetapi kalau lebih jam tidak diambil hirau. Ada macam-macam dibuat sehingga saya bersama dengan Wakil Rakyat kawasan Menteri biasa berunding, dengan mereka yang berkenaan. Pihak buruh kata begini, pihak kilang tersebut kata begini. Jadi saya berharap apabila Yang Berhormat Menteri melawat kilang tersebut silalah ambil peluang pergi dan berjumpa dengan pihak pekerja-pekerja dan juga pihak yang berkuasa dalam kilang tebu itu. Saya tidak nafikan bahawa kalau modal tidak ada, kilang tidak boleh didirikan. Modal kilang ini tidak kurang daripada \$50 juta tetapi kalau tenaga buruh tidak ada, tebu-tebu yang ditanam itu tidak naik. Kalau ditanam dalam hutan, tebu tidak bergembur, ia tidak berapa naik walaupun bajanya elok. Walaupun sekarang ini engine boleh digunakan tetapi ada juga perkara yang terpaksa dilakukan dengan tangan manusia. Di

samping kita mencari keuntungan, hendaklah kita pandang penduduk-penduduk yang miskin di luar bandar yang gajinya kadang-kadang tidak berpatutan.

Begitu juga kilang simen, saya bersyukur kepada Tuhan bahawa kilang simen di Perlis ini boleh dikatakan bagus juga walaupun tidak sebagai macam Tasek Simen tetapi tentang pengurusan syukurlah baharu-baharu ini diambilalih Pengerusi Lembaga Pengarahnya oleh Datuk Menteri Besar sendiri walaupun kerjanya sibuk dan banyak untuk membetulkan tetapi sebelum daripada ini sahamnya pun tidak dapat diberitahu kepada orang umum sehingga di mana dan siapa yang masuk kilang simen hingga jadi satu issue dalam politik. Saya dapat tahu dengan usaha Pengerusi yang baharu iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Perlis walaupun kerja yang lain ada, tidak patut diambil, tetapi untuk melicinkan perkara ini, terpaksa lah Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Perlis memegang juga untuk memastikan perkara ini. Saya minta kerjasama daripada Kementerian terutama mengenai dengan modalnya. Modal kilang simen Perlis ini banyak daripada Perbadanan. 80% kalau tidak silap saya modalnya daripada Perbadanan tetapi Lembaga Pengarahnya 40% sahaja daripada Perbadanan. Jadi modalnya banyak, kuasanya sedikit. Pengerusinya ialah Datuk Menteri Besar. Saya berharap Menteri kita dapat berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar supaya perkara ini dapat diperbetulkan lagi. Saya bercakap ini atas apa yang disuarakan oleh rakyat Negeri Perlis dan orang-orang yang memegang saham yang berkenaan untuk kebaikan bersama.

Dan saya ucapkan terima kasih sekali lagi macam saya katakan kalau kilang ini tidak ada tentulah rakyat Perlis sendiri tidak dapat peluang macam ini, tentulah kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang membenarkan mendirikan kilang dan pihak yang mengeluarkan modal, tetapi di samping itu kita haraplah kerana kita ini, sebagai

manusia kalau kita dapat sedikit pun kita puas hati tetapi kita berasa sedih kalau kita diperbodohkan. Jadi, saya berharap sangatlah kepada Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi perkara ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan tadi saya akan bercakap secara ringkas sahaja. Di segala segi kita buat kerja tak boleh berjalan dengan baik kalau kekurangan kakitangan. Saya dapati Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini kekurangan kakitangan. Saya tidak mahu menuduh pegawai-pegawai tidak bekerja, mereka hendak bekerja tetapi wang tidak cukup. Biasa di dalam Dewan yang mulia ini juga Yang Berhormat Menteri kita telah menjawab yang mana Pegawai Penguatkuasa, kalau tidak silap saya cuma ada 52 orang sahaja dalam Malaysia tetapi kedai ada beribu. Perlis sahaja kalau tidak salah saya tentulah bukan sedikit kedai. Oleh itu, tentulah kita tidak-terkawal tentang menetapkan tanda harga sebagaimana kata saudara kita tadi iaitu harga yang tidak berpatutan. Saya mencadangkan Pegawai Penguatkuasa ini ditambah sehingga cukup bukan setakat pegawai sahaja ditambah tetapi hendaklah diberi latihan dan kursus, biarlah mereka yang akan menjadi Pegawai Penguatkuasa itu mengetahui harga dan kedudukan mutu barang-barang itu. Jangan dia tahu hendak menangkap sahaja tetapi dia sendiri tidak tahu harga barang-barang, dia tidak tahu mutu dan harga barang-barang. Misalnya dia pergi ke sebuah kedai, tuan kedai itu menjual barang dengan harga yang tidak patut iaitu \$5 misalnya. Dia kata: aku jual \$5 kerana harga barang itu berpatutan, barangnya baik. Kadang-kadang saya sendiri menengok, misalnya kita hendak membuat pakaian, sebab itu kalau saya hendak buat baju terang saya katakan, saya cuba beli di kedai yang saya cukup biasa, sebab saya tidak kenal mutu kain. Ada setengah kain itu berkilat seperti cermin tetapi bila kain itu dipakai sekali sudah luntur. Kadang-kadang kita tengok kain itu tidak berkilat tetapi kainnya tahan lasak. Jadi, seorang yang hendak

menjadi Pegawai Penguatkuasa hendaklah diberi latihan yang cukup, biar jangan taukeh tadi; yang saya kata taukeh ini bukan Orang Cina sahaja walaupun apa bangsanya orang kampung panggil tuan kedai itu kerap kali bukan bumiputra dipanggil taukehlah. Saya harap sangat-sangat kalau boleh, kalau tidak cukup wang Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berikhtiarlah minta kepada Perbendaharaan atau Menteri Kewangan supaya menambahkan lagi peruntukannya. Selagi kita tidak tambah dan tidak memberi latihan mungkin masaalah ini tidak akan habis-habis. Saya yakin kalau ditambah peruntukannya perkara ini akan dapat diatasi.

Begitu juga tentang pejabat-pejabat yang lain. Tuan Pengerusi, terus-terang saya katakan, saya pun kadang-kadang kerap juga pergi ke Pejabat Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berjumpa dengan kawan-kawan. Pegawai-pejabat ini 3 minggu surat saya tidak dijawabnya. Ini saya bercakap terus-terang. Saya kadang-kadang bertanya-lah dengan kawan yang baik; apa sebab awak buat begitu nanti orang ramai bising. Kata mereka: apa yang kami hendak buat, kakitangan tidak cukup, ada yang setengahnya bercuti, sudahlah orang sedikit. Manusia ini pun ada yang bercuti hendak kahwin. Ini menyebabkan kekurangan kakitangan. Manusia ini, Tuan Pengerusi, terus-terang saya berkata, setengahnya dia bercakap berdepan baik, tetapi bila di belakang, dia merungut, dari segi agama ini cukup berdosa. Saya kalau di belakang tidak mahu bercakap. Saya fikir kakitangan ini patutlah diatasi samada Bahagian Penguatkuasa ataupun bahagian-bahagian lain. Ini saya bercakap dengan ikhlas, kalau dibuat begini Insya Allah apa-apa yang disungut oleh orang ramai dapatlah kita cuba atasi. Kalau kita hendak memuaskan hati 100% tentulah tidak boleh kerana manusia ini, saya yakin selagi manusia nama manusia tetap manusia, begitulah. Sebagaimana Datuk Seri buat baik pun manusia ini tetap dikata juga, tetapi tiga empat perkara yang dibincangkan tadi betul iaitu perkara minyak tanah, betul sangat

mustahak. Saya berharap sekali lagi sebagai penyudahnya, saya merayu kepada Datuk Seri sebagai Menteri walaupun minyak gas ini soal kecil tetapi benda yang kecil kalau dihimpun menjadi banyak. Orang yang hendak menunggukan itu ialah orang-orang luar bandar, orang-orang luar bandar itu orang kita juga sama-sama menjadi pengundi. Dia tidak lulus darjah berapa pun yang undi Shaari itu sama sahaja walau siapa pun dia. Ini saya bercakap terus-terang, asal 21 tahun ke atas dia boleh mengundi. Dengan sebab itu saya merayu sekali lagi soal minyak tanah, lebih tepat kata orang kampung soal minyak gas ini dapat diatasi.

5.16 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya juga turut mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan saya menyokong di atas Anggaran Pembangunan dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Kepala B. 25, wang yang diperuntukkan sebanyak \$49,785,010.

Tuan Pengerusi, saya tertarik hati oleh kerana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri berhubung untuk mengadakan kilang-kilang di seluruh negara. Bagi kami sebagai Wakil Rakyat yang datang dari luar bandar mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, oleh kerana ucapan beliau itu menyatakan Kerajaan akan bersedia mengadakan kilang-kilang dan membantu rakyat di seluruh kawasan yang kurang maju khususnya di kawasan luar bandar. Pada pendapat saya ini amat baik kerana itu untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, mengikut keterangan beliau juga ada menyatakan Kerajaan sudah mengadakan lebih 50% kilang-kilang yang ditubuhkan di kawasan yang kurang maju, mungkin di Negeri Sarawak saya fikir lagi jauh ketinggalan di bidang perkilangan. Oleh yang

demikian, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab agar dapat mengambil satu langkah dengan secara langsung untuk menyasat di kawasan-kawasan yang sesuai supaya kilang-kilang dapat diperbesarkan dengan secepat mungkin. Kerana Negeri Sarawak yang kita tahu mempunyai tanah yang amat luas, besar dan banyak tempat-tempat yang sesuai bagi menubuhkan projek-projek seperti kilang kelapa sawit, kilang tebu, koko, simen, baja dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, dengan izin saya berikan contoh, di kawasan saya Bahagian Kedua Semangang jalanraya dari Kuching sudah bertambah baik dan sudah disambung ke Bahagian Ketiga, Ke Enam dan Ke Tujuh. Negeri Sarawak sudah dibahagi dengan 7 Bahagian dan sekiranya Kerajaan dapat menubuhkan satu kilang batik di Bahagian Kedua ini saya fikir mungkin dapat memberi kemudahan kilang itu untuk mengeluarkan batik-batik ke seluruh bahagian dan kilang itu juga dengan mudah mengambil pekerja-pekerja di kawasan tersebut.

Saya sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya mengambil perhatian yang berat dan jika perlu mengambil banyak lagi rombongan-rombongan dari Negeri Sarawak dan patutlah rombongan itu juga diambil termasuklah rakyat dari luar bandar. Kerana jika rakyat dari luar bandar tidak terpilih ataupun kurang dilatih mungkin rakyat kurang memahami dan ini boleh menjadi masalah. Sekarang rakyat di luar bandar tidak bergerak dan tidak mampu menanam modal di kilang-kilang. Saya percaya jika Kerajaan dapat mengambil banyak lagi kaum bumiputra untuk dilatih dan melawat ke pasaran-pasaran terpilih mungkin banyak kaum bumiputra memasuki ataupun membeli syer-syer di bidang perkilangan. Saya dapati di Negeri Sarawak kawasan di luar bandar mungkin ada 95% rakyat yang ketinggalan di berbagai-bagai bidang perdagangan dan perindustrian oleh kerana rakyat di luar bandar kurang faham dan tidak

dilatih di bidang perdagangan. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya dapat mengambil perhatian yang berat atas melatih dan menghantar rombongan-rombongan kepada pasaran-pasaran yang terpilih di rantau ASEAN.

5.20 ptg.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangkit memberi pandangan, perhatian dan teguran terhadap perkara-perkara yang dilaksanakan, dijalankan oleh Kementerian saya. Saya mengambil kesempatan di sini pertamanya menjawab kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan yang patut saya jawab, mana yang saya tidak berpeluang menjawabnya, saya sukalah mengingatkan bahawa apa sahaja yang telah disampaikan kepada saya itu akan diambil perhatian.

Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang telah mengesa Kerajaan supaya mengawasi syarikat-syarikat perdagangan asing terutamanya syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan pemasaran di negara ini. Beliau telah memberi contoh bahawa Syarikat IBM yang merupakan sebuah syarikat perdagangan patutnya dikawal dan digesa untuk menukar dasarnya di negeri ini terutama mengenai pemasaran dan tarafnya sebagai sebuah syarikat asing. Dalam perkara ini suka saya menyatakan bahawa Kerajaan memang sedar bahawa ada syarikat-syarikat perdagangan asing yang menjalankan kegiatan pemasaran di negara kita ini. Walau bagaimanapun, sekatan telahpun dijalankan semenjak tahun 1969 di mana syarikat-syarikat perdagangan baru tidak lagi digalakkan menubuhkan pejabat cawangannya di Malaysia. Sekiranya syarikat-syarikat asing ingin menjalankan kegiatan perdagangan di negara kita ini, Kerajaan telah menentukan supaya syarikat-syarikat perdagangan itu dimodali bersama oleh warganegara Malaysia. Sekarang ini memang ada syarikat-syarikat perdagangan asing yang

menjalankan kegiatan perdagangan dan pemasaran di negara kita ini tetapi walau bagaimanapun kebanyakan daripada syarikat-syarikat tersebut telahpun berdaftar di negara ini sebelum tahun 1969. Dalam hal ini Kementerian saya akan mengkaji pada keseluruhan syarikat-syarikat seperti ini dan jika perlu akan meminta kerjasama mereka supaya mereka mengubahsuai struktur kedudukan syarikat ini sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara kenaikan harga tiket wayang samada bagi filem-filem yang diimpot ataupun buatan tempatan adalah merupakan kuasa yang ada dalam tangan Kerajaan Negeri. Perkara ini telah dikaji dan didapati bahawa perkara kenaikan harga tiket wayang samada filem-filem tempatan ataupun luar negeri ditunjukkan adalah perkara di dalam jagaan Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, dengan tertubuhnya Perbadanan Kemajuan Filem Nasional yang kita akan adakan undang-undangnya tidak lama lagi, kita harap bahawa bayaran tiket wayang akan dapat dikaji semula bersama-sama dengan Kerajaan Negeri supaya ianya dapat diselaraskan dengan keadaan industri perfileman pada masa ini.

Tuan Pengerusi, memang sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu benar UDA memegang 30% saham di Syarikat Landmarks Corporation yang memiliki panggung wayang di Sungei Wang Plaza. Kementerian ini berpendapat sekiranya pemilikan 60% syer ekuiti di dalam panggung wayang tersebut dipunyai oleh bumiputra walaupun seorang, maka ini bermakna penyer-taan ekuiti untuk bumiputra di dalam sesuatu projek itu telah melebihi daripada apa yang hendak kita capai di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Bersabit dengan pengurusan panggung wayang tersebut, Kementerian ini ingin menyatakan bahawa sedikit-sebanyak aktiviti penayangan filem untuk orang ramai yang diselenggarakan oleh pemilik-pemilik panggung

wayang akan dilaksanakan Oleh Perbadanan oleh kerana ianya adalah merupakan satu daripada tanggungjawab terbesar yang akan dijalankan oleh Perbadanan ini apabila tertubuh. Rang Undang-undang penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional itu sedang di dalam peringkat akhir persediaannya dan kelewatan mengemukakan Rang Undang-undang ini adalah disebabkan kerana ianya melibatkan banyak Kementerian dan kesannya adalah agak menyeluruh di dalam penghidupan rakyat di samping akibat yang akan timbul terhadap sektor industri perfileman di negara ini. Maka Kementerian ini dan juga Kementerian-kementerian lain yang terlibat terpaksa berhati-hati untuk memastikan supaya kepentingan kesemua mereka yang terlibat dapat dipelihara dengan baik.

Wakil dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan perkara mengenai Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Sungguhpun Majlis ini merupakan sebagai satu badan penasihat sahaja suka saya menyatakan di sini ia adalah satu badan yang sungguh aktif. Semenjak ditubuhkan pada tahun 1974 Majlis ini telah mengadakan 10 kali mesyuarat manakala penal-penal di bawahnya telah mengadakan 58 kali mesyuarat iaitu seperti berikut: Penal 'A' yang bertanggungjawab mengenai perancangan dan penyelidikan telah mengadakan 19 kali mesyuarat. Penal 'B' yang bertanggungjawab mengenai undang-undang dan penguatkuasa telah juga mengadakan 19 kali mesyuarat. Penal 'C' yang bertanggungjawab mengenai publisiti dan kemajuan gerakan pengguna telah mengadakan 20 kali mesyuarat.

Di antara nasihat dan kegiatan-kegiatan yang telah dilaksanakan oleh Majlis ini ialah seperti berikut: menasihatkan tentang perlunya dipinda undang-undang dan peraturan berikut yang seterusnya telah menyebabkan pindaan-pindaan kepada undang-undang tersebut iaitu Akta Kawalan Harga, 1976; Akta Kawalan Bekalan, 1961; Akta Sewa Beli, 1967; Perintah Tanda Harga (Peringkat Peruncit), 1977, Peraturan Sewa Beli, 1977 juga.

Hasil daripada pandangan Majlis ini pihak Kerajaan telahpun sebagaimana saya katakan tadi melakukan beberapa pindaan yang sewajarnya terhadap undang-undang tersebut sebagaimana yang kita kehendaki bagi badan ini bergerak iaitu sebagai satu badan penasihat di mana ada wakil-wakil bukan sahaja daripada pihak Kerajaan bahkan ramai daripada bilangan mereka ini daripada orang-orang awam yang sudah tentu dapat memberi nasihat, pandangan-pandangan yang berguna kepada pihak Kerajaan. Selain daripada ini badan ini juga mengkaji dan memberi nasihat tentang kedudukan harga dan bekalan barang keperluan seperti daging, ayam, telur, sayur-sayuran, ikan, buah-buahan, bahan-bahan binaan dan lain-lain. Dan juga badan ini menggesa tentang perlunya bantuan kewangan dan khidmat nasihat kepada Persatuan-persatuan Pengguna, memberi publisiti kepada gerakan pengguna, berdialog dengan Persatuan-persatuan Pengguna. Perkara ini sedang diselenggarakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Majlis ini telah juga mengadakan peraduan mengarang mengenai pengguna dan pertandingan syarahan di kalangan penuntut-penuntut sekolah sesuai dengan usaha ke arah pendidikan pengguna. Majlis juga telah mengadakan seminar dan perbincangan untuk meningkatkan lagi kesedaran pengguna. Di samping itu juga Majlis juga telah membincangkan berbagai perkara lain seperti amalan perniagaan yang kurang baik terhadap pengguna, kadar pertukaran matawang, buku-buku impot, timbang dan sukat, perumahan dan lain-lain.

Mengenai kandungan Ahli-ahli Majlis patutlah dinyatakan bahawa pada tahun ini bilangan ahli-ahli ialah 17 orang di mana 4 orang adalah wakil daripada Persatuan-persatuan Pengguna, 4 dari Jabatan Kerajaan yang berkenaan, 3 dari Dewan-dewan Perniagaan dan selebihnya merupakan wakil-wakil daripada Malaysia Timur dan orang-orang perseorangan.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya di tempat-tempat di mana

adanya Penghulu-penghulu patut diminta menjadi Setiausaha kepada Badan-badan Perlindungan Pengguna-pengguna, ini adalah cadangan yang baik dan saya berharap di mana ada Badan-badan Perlindungan Pengguna-pengguna yang bertempat di kawasan-kawasan adanya pegawai-pegawai seumpama ini seperti Penghulu eloklah kalau boleh dimasukkan pegawai-pegawai yang berkenaan itu sebagai Setiausaha ataupun sebagai pegawai-pegawai yang lain. Jadi dalam perkara ini cergas atau tidak cergas satu-satu Badan Perlindungan Pengguna itu bergantung banyak kepada pertamanya sokongan yang diterima daripada orang ramai dan daripada sokongan dan kerjasama yang penuh juga yang diperolehi daripada pegawai-pegawai yang bertugas di tempat-tempat yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah membangkitkan perkara masa diambil untuk proses satu-satu permohonan. Mengikuti Ahli Yang Berhormat, kenyataan saya bahawa biasanya permohonan itu dapat diselesaikan dan diproses dalam dua hingga enam minggu tidaklah tepat dengan adanya kenyataan beliau bahawa permohonan-permohonan mengambil masa di antara tiga dan sembilan bulan untuk diproses. Tentang perkara ini sepertimana yang saya telah nyatakan dalam satu jawapan saya di Dewan yang berbahagia ini adakalanya permohonan-permohonan itu terpaksa mengambil masa lebih daripada dua hingga enam minggu oleh kerana beberapa sebab mungkin permohonan-permohonan yang berkenaan itu melibatkan Kementerian-kementerian yang lain. Umpamanya, kalau sekiranya kilang yang dipohon untuk ditubuhkan itu melibatkan perusahaan yang berasaskan kayu-kayan, perlu Kementerian saya berhubung dengan Jabatan Hutan ataupun Kementerian yang berkenaan meminta laporan-laporan yang penuh dan oleh kerana faktor-faktor yang semacam ini terpaksa kadangkala di dalam mana permohonan-permohonan itu terpaksa mengambil masa lebih daripada masa yang saya katakan tadi, dua hingga enam minggu. Dalam pada itu jikalau sekiranya ada diketahui oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat permohonan mengambil masa lebih daripada masa yang berpatutan, Yang Berhormat boleh menghubungi saya dan membawa perkara ini kepada saya, supaya saya dapat menjalankan penyiasatan kenapa permohonan yang patut diproses dalam dua hingga enam minggu mengambil masa lebih daripada yang berpatutan.

Saya tidak mahu memberi kenyataan yang panjang lebar lagi tentang perkara Akta Penyelesaian Perusahaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagaimana saya telah terangkan pada mula-mulanya undang-undang ini dibentang, dilulus dan dilaksanakan banyak keraguan timbul di kalangan pelabur-pelabur modal dalam dan luar negeri. Tetapi semenjak ini kita telah memberi kenyataan-kenyataan yang tepat, yang panjang lebar berkenaan dengan tujuan undang-undang ini. Dan buat masa ini saya suka menyatakan bahawa kekeliruan, rasa kebimbangan di kalangan banyak pelabur-pelabur luar ataupun dalam negeri kalau kita tidak dapat hapuskan, telah kurangkan dan menengok kepada bilangan permohonan-permohonan yang dibuat untuk lesen di bawah undang-undang ini sudah jelas nampak pada kita, bahawa banyak daripada pelabur-pelabur di dalam dan di luar negeri telah mengetahui atas tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat undang-undang yang berkenaan.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat supaya rombongan-rombongan perdagangan bukan sahaja diketuai oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri atau Pegawai-pegawai Kerajaan tetapi elok juga kalau sekiranya diketuai oleh pelabur-pelabur yang kukuh untuk menyakinkan pelabur-pelabur di seberang laut, suka saya menyatakan di sini bahawa selain daripada Menteri sendiri ataupun Timbalan Menteri ataupun pegawai-pegawai mengetuai rombongan-rombongan perdagangan kadangkala di dalam rombongan atau misi perdagangan dan perusahaan kita memang ada menjemput pelabur-pelabur tempatan ataupun dari luar

negeri yang bertapak di sini bersama di dalam rombongan kita ada memberi ceramah-ceramah kepada bakal-bakal pelabur yang ada di luar negeri bagi meyakinkan mereka bahawa negara kita adalah negara yang paling baik di mana pelaburan boleh dibuat.

Banyak juga Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara kekurangan pegawai di Bahagian Penguatkuasa. Saya memang sedar bahawa ini adalah satu daripada kekurangan yang perlu kami atasi dan sebagaimana yang saya telah nyatakan baru-baru ini, bagi tahun hadapan ini akan diadakan pertambahan dari segi bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa supaya bahagian ini dapat betul-betul menjalankan tanggungjawab yang ditugaskan kepada pegawai-pegawai yang bertugas di dalam bahagian ini.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang perlunya hukuman yang dikenakan kepada orang-orang yang menyorok barang-barang keperluan. Tentang ini sebagaimana termaklum hukuman dari segi denda dan kalau tidak dibayar denda hukuman penjara yang dikenakan dalam undang-undang pada masa ini pada pendapat saya berpatutan dan sebagaimana termaklum banyak pihak-pihak yang berkenaan yang telah melanggar undang-undang yang berkenaan telah dibawa ke mahkamah dan didakwa. Semenjak daripada bulan Oktober 1972 sebanyak 707 kes rampasan telah dibuat dengan jumlah denda sebanyak \$179,000 telah dikenakan kepada pihak-pihak yang melanggar undang-undang anti-sorok yang kita adakan.

Ada juga Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara berkenaan dengan Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Sendirian Berhad. Suka saya menyatakan di sini bahawa syarikat ini tidak lagi di dalam jagaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tetapi sekarang ini diusahakan oleh MARA iaitu di bawah Lembaga Kraftangan. Jadi jikalau sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak mengetahui kedudukan yang sebenarnya dan mendalamnya berkenaan dengan syarikat ini,

silalah berhubung dengan pihak yang berkenaan yang saya sebutkan tadi untuk mendapat pandangan, kenyataan dan laporan yang lebih mendalam lagi tentang kedudukan syarikat itu pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga membangkitkan perkara penyertaan ekuiti di kilang simen di Perlis. Suka saya menyatakan di sini bahawa pada masa syarikat ini diluluskan ada dikenakan syarat bahawa struktur ekuiti dalam syarikat ini mestilah mencerminkan struktur penyertaan bahagian-bahagian di dalam syarikat ini. Kementerian akan menyasiat perkara ini dan sekiranya didapati Ahli-ahli Lembaga Pengawal Syarikat Perlis Simen ini tidak mencerminkan struktur ekuiti di dalamnya, tindakan sewajarnya akan diambil.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara kesulitan bekalan yang berlaku bukan sahaja di dalam satu-satu tempat tetapi di tempat-tempat lain juga berkenaan dengan kekurangan minyak gas. Suka saya menyatakan perkara ini memanglah berlaku dan Kerajaan adalah sentiasa mencari jalan ikhtiar untuk mengatasi masaalah ini. Umpamanya dengan menambahkan bilangan subsidi yang dibayarkan kepada harga minyak gas. Dalam pada itu kadangkala berbangkit kekurangan di setengah-setengah tempat dan Kerajaan melalui Kementerian saya sentiasa akan mengambil langkah untuk mengatasi masaalah-masaalah yang dialami oleh pihak-pihak yang berkenaan di kawasan-kawasan di mana ada kekurangan bekalan minyak gas.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga membangkitkan tentang pentingnya pengguna-pengguna di luar bandar dilindungi. Saya bersetuju dengan pendapat ini supaya ditubuhkan di tiap-tiap negeri, di daerah persatuan-persatuan pengguna di mana penghulu-penghulu menjadi Setiausaha kepada persatuan itu. Adalah sangat baik dan sebagaimana saya katakan tadi cadangan ini bolehlah diberi kajian dengan mendalam dan dijalankan di mana-mana tempat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, setakat itulah sahaja jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, di mana perkara-perkara yang dibangkitkan yang tidak saya sentuh saya akan mengambil perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$47,535,000 untuk Kepala B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$2,250,010 untuk Kepala P. 25 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Tuan Pengerusi: Sekarang sampai kepada giliran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan saya suka memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu pada hari esok mungkin selepas selesai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di atas permintaan Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dewan ini akan membahaskan peruntukan bagi Kementerian Pelajaran.

Sekarang saya persilakan wakil Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengemukakan Kepala B. 26 dan B. 27 bagi Belanja Mengurus dan Kepala P. 26 dan P. 27 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.

Kepala B. 26 dan B. 27 (Jadual) —

Kepala P. 26 dan P. 27 (Anggaran Pembangunan, 1978) —

5.44 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Saadun bin Muhammad Noh): Tuan Pengerusi, saya memohon supaya Anggaran Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 1978 di bawah Kepala Bekalan B. 26 sebanyak \$20,910,000 dan Kepala Pembangunan P. 26 sebanyak \$7,425,040 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Seterusnya saya juga memohon supaya

Anggaran Belanjawan Jabatan Muzium Negara bagi tahun 1978 di bawah Kepala Bekalan P. 27 sebanyak \$1,926,000 dan Kepala Pembangunan P. 27 sebanyak \$500,000 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Perbelanjaan yang diminta untuk tahun 1978 ini adalah untuk membolehkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meneruskan aktiviti-aktivitinya ke arah penyusunan semula masyarakat Malaysia menerusi bidang-bidang Kebudayaan, Belia dan Sukan selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Pengerusi, dalam bidang kebudayaan Kementerian saya akan terus mempergiatkan aktiviti-aktiviti bagi mengukuhkan perpaduan rakyat dan membentuk keperibadian kebangsaan melalui kebudayaan nasional. Dalam tahun 1978 peruntukan sebanyak \$2,484,773 telah disediakan di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Bahagian Kebudayaan menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan penerbitan serta memperkembangkan bakat-bakat dan kesenian kebangsaan. Pembinaan Kompleks Budaya Negara yang akan terlaksana dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini akan menjadi sebagai makmal atau pusat untuk mengembangkan kebudayaan kebangsaan kita. Dalam tahun 1978 sebanyak \$1,000,000 telah diuntukkan bagi memperbaiki dan menyediakan kemudahan di kompleks tersebut.

Adalah diharapkan dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan di kompleks ini dan dengan rancangan yang teratur ke arah tujuan tersebut maka hasrat Kementerian ini untuk memupuk nilai-nilai kebudayaan kebangsaan melalui kesenian akan menjadi lebih berkesan lagi.

Penglibatan kaum-kaum bukan Melayu dalam kegiatan-kegiatan yang dirancang oleh Kementerian ini adalah semakin bertambah. Ini dapat dibukti dari bilangan peserta-peserta yang mengambil bahagian di dalam kegiatan-kegiatan seperti kursus,

bengkel, pertunjukan pertandingan dan sebagainya. Sehingga ini lebih daripada 46,000 orang bukan Melayu menyertai kegiatan-kegiatan tersebut. Bagi menambahkan lagi bilangan penyertaan serta meluaskan lagi penyebaran maklumat mengenai kebudayaan kebangsaan Kementerian ini telah berusaha mengadakan syarahan-syarahan umum dan mengeluarkan beberapa penerbitan di dalam Bahasa Inggeris selain daripada Bahasa Kebangsaan bagi melicinkan, memperkemas dan menyelaraskan kegiatan kebudayaan maka sebuah Jawatankuasa pelaksanaan dasar kebudayaan sedang dibentuk dengan Kementerian Kebudayaan menyediakan Sekretariat baginya.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya sentiasa menyedari betapa besar dan pentingnya peranan yang dimainkan oleh kaum belia dalam pembangunan, perpaduan, keselamatan dan kepimpinan masa hadapan negara kita. Oleh itu, Kementerian saya akan terus memberi perhatian yang berat terhadap hal ehwal serta kegiatan-kegiatan belia di negara kita ini. Untuk tujuan ini Kementerian saya telah memperuntukkan wang sebanyak \$10,784,526 bagi kegiatan-kegiatan Bahagian Belia. Jumlah ini adalah merupakan 51.57% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kementerian yang diminta itu.

Selain daripada itu di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan pula sebanyak \$500,000 adalah diperuntukkan bagi menambahkan kemudahan-kemudahan latihan di Pusat Latihan Belia di Dusun Tua dan sebanyak \$450,000 untuk menambahkan kemudahan-kemudahan latihan di Pusat Latihan Belia Negara di Pertak, Selangor. Di samping itu peruntukan sebanyak \$600,000 telah juga diperuntukkan di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan untuk melaksanakan kerja-kerja permulaan dalam rancangan penubuhan satu lagi Pusat Latihan Belia iaitu di Sepang, Selangor. Sehingga kini Pusat Latihan Belia, Dusun Tua selain daripada dapat memberi latihan disiplin kepada 15,286 orang belia juga telah berjaya memberi latihan

kemahiran kepada 5,812 orang belia. Dalam tahun 1978 Pusat ini akan terus memberikan latihan kepada belia-belia di mana 1,200 orang belia dijangka akan mendapat latihan. Sementara itu Pusat Latihan Belia Negara, Pertak pula akan mengambil 300 belia dan beliawanis dalam tahun 1978 untuk mengikuti latihan kepimpinan dan kemahiran. Memandangkan terhadnya tempat di pusat-pusat latihan tersebut Kementerian saya juga mengadakan latihan sambil bekerja di tiap-tiap buah negeri di Malaysia di mana dalam tahun 1978 dijangkakan 1,300 orang belia akan mengikuti projek ini.

Selaras dengan matlamat Buku Hijau Kerajaan kita Kementerian saya juga telah merancang melancarkan projek belia peladang. Sehingga ini sebanyak 2,002 projek telah dapat diadakan dan 28,920 peluang pekerjaan telah dapat diwujudkan.

Memandang peri pentingnya projek ini maka dalam tahun 1978 Kementerian saya telah menguntukkan wang sebanyak \$3 juta di bawah Anggaran Pembangunan bagi projek tersebut. Adalah dianggarkan sebanyak 1,088 projek baru akan dapat dilaksanakan dalam tahun 1978 nanti.

Satu rancangan baru iaitu rancangan belia berniaga telahpun dilancarkan dalam tahun 1976 bagi mendorong, membimbing, melatih dan membantu belia-belia kita menceburkan diri dalam bidang perniagaan sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru kita. Usaha yang pesat sedang dijalankan sekarang dalam bidang ini dengan kerjasama berbagai agensi Kerajaan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA dan lain-lain lagi.

Untuk membolehkan belia-belia kita bergerak dengan lebih kemas dan secara besar-besaran dalam bidang perniagaan maka Kementerian saya telah menubuhkan Koperasi Belia Nasional (KOBENA) pada 14hb November, 1976. Koperasi ini akan bergerak dalam berbagai bidang perniagaan dan per-

dagangan seperti bidang pengangkutan, binaan, ladang, impot-ekspot, insuran dan lain-lain lagi.

Masalah kekurangan belia bukan bumi-putra dalam pergerakan belia sedang diatasi dengan menubuhkan persatuan-persatuan belia di kampung-kampung baru dan juga di ladang-ladang getah supaya belia-belia di kawasan-kawasan tersebut bergerak selaras dengan dasar Kerajaan dan aspirasi negara. Hingga ini sebanyak 286 buah persatuan belia yang mempunyai ahli seramai 29,000 orang telahpun ditubuhkan di kawasan-kawasan tersebut. Kementerian saya juga turut memainkan peranannya untuk memerangi beberapa masalah besar yang sedang dihadapi oleh negara kita seperti masalah keselamatan, penyalahgunaan dadah dan keruntuhan akhlak di kalangan belia dengan mengadakan berbagai-bagai rancangan yang sesuai menerusi persatuan-persatuan belia seperti kursus-kursus penerangan, seminar, khemah kerja dan rancangan-rancangan pembangunan dengan kerjasama berbagai-bagai agensi Kerajaan. Dengan peruntukan-peruntukan yang saya nyatakan itu bahagian belia akan dapat mempesatkan lagi kegiatan-kegiatannya memberikan bimbingan dan latihan kepada belia-belia untuk meninggikan lagi kedudukan ekonomi dan sosial mereka dan untuk menggalakkan integrasi antara kaum di kalangan belia di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, jumlah yang diperuntukkan di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1978 untuk kegiatan-kegiatan dalam bidang sukan adalah sebanyak \$2,690,000. Dari jumlah ini sebanyak \$1,170,000 adalah untuk program penggalakan. Tujuan program ini bukan sahaja untuk memperluas penyertaan masyarakat dari semua kaum dalam kegiatan-kegiatan sukan, untuk maksud kesihatan jasmani dan rohani, tetapi yang lebih pentingnya adalah bertujuan untuk memperseimbangkan penyertaan dalam berbagai-bagai jenis sukan antara berbagai kaum penduduk negara kita ini dan di antara kawasan bandar dengan luar bandar supaya

cita-cita perpaduan negara dapat dicapai melalui sukan. Usaha-usaha untuk mencungkil pemain-pemain muda yang berbakat melalui sistem latihan yang sistematik dan melahirkan jurulatih-jurulatih yang terlatih dan berkelayakan akan menjadi rancangan utama dalam program latihan Kementerian ini. Peranan yang lebih positif dan berkesan akan diambil oleh Kementerian saya di dalam persiapan dan persediaan pasukan negara ini untuk menyertai pertandingan antarabangsa di dalam dan di luar negeri. Langkah ini adalah untuk menentukan supaya pemain-pemain yang berkelayakan dan berkebolehan menunjukkan mutu permainan yang baik serta berdisiplin dapat dipilih untuk mewakili negara ini.

Tuan Pengerusi, untuk melicinkan dan menyempurnakan aktiviti-aktiviti kebudayaan, belia dan sukan, Kementerian saya berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan dengan membina Kompleks Pelbagaiguna yang kini terdapat di tiap-tiap buah negeri kecuali di Kelantan dan Sabah yang masih dalam proses perancangan. Peruntukan sebanyak \$1,645,000 telah dibuat di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1978 untuk meneruskan pembinaan peringkat kedua Kompleks Pelbagaiguna di negeri-negeri itu dan juga untuk menyiapkan pembinaan peringkat pertama Kompleks Pelbagaiguna di Negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diminta untuk Perbelanjaan Mengurus Jabatan Muzium adalah sebanyak \$1,926,000. Peruntukan itu adalah diperlukan oleh Jabatan tersebut untuk membiayai Muzium Negara di Kuala Lumpur dan Muzium Perak di Taiping, Perak dan juga untuk membiayai rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh bahagian-bahagian di Jabatan itu. Salah satu projek penting yang akan dilaksanakan pada tahun 1978 ialah menghantar expertise ke Sabah untuk menjalankan penyelidikan tentang bahan-bahan kejadian di sana. Peruntukan sebanyak \$500,010 yang diminta di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan itu

adalah untuk meneruskan pembinaan tapak Arkiologi Lembah Bujang, Kedah dan tapak-tapak Arkiologi Pra-Sejarah di negeri-negeri lain dan untuk memulih dan memelihara monumen-monumen dan kawasan-kawasan bersejarah.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon sekali lagi supaya Anggaran di bawah Kepala B. 26 dan B. 27 serta Kepala P. 26 dan P. 27 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

5.56 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Bagi memulakan perbincangan ini saya ingin menyentuh Kepala B. 26, muka surat 183 dan 184, Butiran 1100, Aktiviti (1) (i) Pentadbiran Am. Menyentuh berkenaan perkara ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah merupakan satu Kementerian yang melibatkan banyak aktiviti-aktiviti yang boleh dikatakan meliputi banyak daripada kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kementerian-kementerian yang lain yang bersangkutan dengan belia. Memandangkan kepada luasnya kegiatan-kegiatan ataupun aktiviti-aktiviti itu rasa saya berhubung dengan pentadbiran ini adalah menghadapi kekurangan kakitangan pegawai-pegawai yang berkenaan samada di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah. Kekurangan itu sangat-sangatlah memberikan kesan yang tidak baik di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti Kementerian ini dengan menyebabkan banyak perkara-perkara yang tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna dan banyak kegiatan-kegiatan yang tidak dapat diawasi oleh pegawai-pegawai itu dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, pada pendapat saya patutlah Kementerian ini menambahkan kakitangannya samada di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah.

Menyentuh berkenaan dengan Butiran yang sama, Aktiviti (3) (iv) Perpaduan Belia. Di

dalam masaalah ini satu sahaja saya akan menyentuh dengan ringkas iaitu pembentukan Majlis-majlis Belia Negeri yang membuka keahliannya kepada setengah-setengah pertubuhan yang tidak merupakan pertubuhan belia yang sebenar-benarnya iaitu sepertimana Persatuan St. John, Pengakap dan lain-lain lagi yang boleh ada di dalamnya bukan sahaja belia-belia tetapi orang-orang yang telah melewati umurnya masuk di dalam Majlis ini yang rasa saya dengan keadaan yang sedemikian itu menyebabkan satu perkara yang tidak baik bagi menjalankan kegiatan-kegiatan belia. Oleh yang demikian, saya berharap di dalam perkara ini mendapat perhatian Menteri yang berkenaan supaya di dalam majlis-majlis belia, khususnya Majlis Belia Negeri janganlah ada di dalamnya ahli-ahli yang umurnya sudah hampir 50 tahun menjadi ahli dalam majlis belia, ini bukanlah merupakan sebagai satu aktiviti yang boleh mendapatkan faedah ataupun merupakan sebagai satu suara belia yang bersungguh-sungguh malah kadang-kadangnya boleh membawa kepada keadaan-keadaan yang tidak baik bagi pertubuhan-pertubuhan belia.

Beralih pula saya dengan ringkas menyentuh butiran yang sama, Aktiviti (4) (i) berkenaan dengan Penggalakan Sukan. Pada pendapat saya dalam masaalah ini khususnya di luar-luar bandar sangat kurang mendapat penggalakan sukan seperti padang-padang permainan bagi anak-anak muda itu mengambil bahagian dalam sukan. Saya kasihan melihat anak-anak muda di luar-luar bandar khususnya di masa lapang mereka di sebelah petang berkumpul di tembuk-tembuk di bawah-bawah pokok-pokok ceri berbual. Keadaan yang sedemikian ini kalau tidak dikawal maka mungkin membawa akibat yang tidak baik kepada belia-belia. Saya rasa sebab yang menjadikan demikian itu ialah mereka ini tidak ada tempat hendak berlatih dan saya sendiri biasa melihat mereka itu berlatih juga tetapi waktu mana di luar-luar bandar padi telah dipotong mereka terpaksa membuat padang-padang permainan di dalam petak-petak padi yang baharu sahaja diambil dan ini pada pendapat

saya tidak memberi faedah kepada mereka. Ada satu golongan lagi belia-belia yang menghabiskan masa lapang dengan begitu sahaja iaitu belia-belia yang menanti keputusan peperiksaan ataupun yang sudah lulus peperiksaan tetapi sedang menanti pekerjaan, maka mereka ini telah menghabiskan masa begitu sahaja dengan tidak terkawal ataupun diambil perhatian yang berat oleh Pejabat Kebudayaan Belia dan Sukan.

Oleh yang demikian, saya berharap kepada Kementerian ini membanyakkan tempat-tempat permainan bagi anak-anak belia ini khususnya di peringkat-peringkat Daerah dan juga di peringkat Negeri sepertimana di Perlis sungguhpun ada kompleks kebudayaan belia dan sukan tetapi saya rasa masih kekurangan lagi tempat-tempat permainan kerana kawasannya begitu sempit tetapi tempat-tempat permainan yang boleh mereka itu mengadakan permainan dan latihan masih kekurangan lagi. Oleh yang demikian, saya berharaplah kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil perhatian dalam perkara ini bagi memenuhi kehendak-kehendak belia bagi membolehkan mereka mengisikan masa lapang mereka supaya tidak terbuang dan supaya tidak tercabut kepada jalan-jalan yang tidak diingini.

Beralih pula saya kepada Kepala P. 26, muka surat 191 dan 192. Di dalam masaalah ini saya menyentuh Butiran I Kemudahan-kemudahan Riadhah. Sepertimana yang saya telah katakan tadi, saya nampak di dalam buku ini Kemudahan-kemudahan Riadhah bagi tahun 1978 ini tidak ada dan saya tidaklah dapat memahami mengapa tidak ada. Walau macam manapun, saya berharap Kemudahan-kemudahan Riadhah ini adalah sangat perlu bagi kegiatan-kegiatan belia-belia.

Menyentuh berkenaan dengan Butiran 7 memperbaiki Stadium Merdeka di muka surat 192. Saya rasa manakala dipandang kepada pertandingan-pertandingan antarabangsa yang telah diadakan baharu-baharu ini melalui Television, saya nampak perkara memperbaiki

Stadium ini memanglah satu perkara yang mesti kerana nampak dari Television, itu seolah-olah bermain dalam bendang dalam Stadium Merdeka itu. Bukan sahaja perlunya diperbaiki stadium itu tetapi pada pendapat saya patut diadakan stadium yang lebih besar....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Perkara Projek 7 ini pihak Kementerian tidak ada minta duit apa-apa. Jadi tidak payah cakaplah. Macam mana hendak cakap, tidak ada minta duit.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Jadi sebab itu saya hendak minta supaya diadakan peruntukan dalam Bahagian itu.

Tuan Pengerusi: Kalau minta adakan itu sahajalah. Tidak usah dipanjangkan-panjangkan fasal tidak ada peruntukan.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Jadi oleh kerana tidak ada duit sepertimana yang telah dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi, saya berharaplah dalam perkara ini patut diadakan peruntukan mengadakan stadium yang lebih besar daripada itu, kerana didapati peminat-peminat terutama sekali bola sepak tidak dapat hendak bersama-sama mengikutinya.

Saya beralih pula kepada Butiran 12, Projek Belia Peladang. Saya puji langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian berhubung dengan Projek Belia Peladang kerana projek ini boleh memupuk semangat belia bagi menumpukan usaha dalam jurusan pertanian. Tetapi apa yang saya harapkan di sini kalau kita sentuh berkenaan dengan projek pertanian kepada belia-belia peladang kita dapati kebanyakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan tidaklah meliputi kawasan yang menanam padi, barangkali sebabnya ialah kerana tidak ada tanah yang boleh diperuntukkan bagi kawasan-kawasan penanaman padi. Saya rasa walaupun tanah tidak ada tetapi masih banyak lagi tanah-tanah di dalam kawasan padi khususnya dalam Perairan MUDA yang mana dipunyai oleh tuan-tuan tanah bukan rakyat

Malaysia mereka itu duduk di luar negeri mereka mendapatkan hasil semata-mata. Oleh kerana tidak ada tanah baharu untuk diusahakan bagi Projek Belia Peladang, maka saya rasa patutlah tanah-tanah yang sedemikian itu dibeli oleh pihak-pihak yang berkenaan dan dijadikan sebagai satu langkah untuk mengujudkan satu kegiatan bagi belia-belia peladang bagi menanam padi supaya melahirkan satu angkatan belia-belia yang mahu mengambil bahagian di dalam penanaman padi. Sekarang ini satu masaalah yang telah timbul di kawasan-kawasan padi yang mana belia-belia tidak mahu lagi berusaha sebagai penanam-penanam padi mereka berpindah daripada kampung ke bandar dan meninggalkan sawah-sawah padi diusahakan oleh ibu-bapa mereka semata-mata dan kalaulah perkara ini berlanjutan maka makin berkurangan tenaga-tenaga belia boleh menjadi petani-petani ataupun pesawah-pesawah moden di dalam kawasan-kawasan yang disebutkan tadi.

Yang keduanya, usaha mengadakan satu rancangan bagi mengadakan satu projek belia menanam padi di kawasan-kawasan penanaman padi ini bolehlah melatih mereka ini mengubah sikap yang ada sekarang ini yang mana petani-petani sekarang ini menjalankan usaha mereka semata-mata sebagai satu usaha tradisional. Tetapi kalaulah tidak dilatih mereka itu dengan baik, sudah tentu lambat kita akan dapat perubahan sikap di kampung-kampung bagi menyesuaikan dengan perubahan-perubahan yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan khususnya bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ini supaya segala perusahaan yang berhubung dengan pertanian ini diusahakan dengan secara moden dan berekonomi.

Oleh yang demikian, saya berharaplah kepada Kementerian berkenaan supaya sepertimana menumpukan kegiatan usaha di dalam masaalah ini kepada belia-belia bagi mengadakan usaha-usaha pertanian lain daripada rancangan menanam padi patutlah juga diadakan satu rancangan yang sedemikian itu bagi mengusahakan penanaman padi di

kawasan-kawasan yang khusus sepertimana rancangan MUDA dan sebagainya.

Akhir sekali saya menyentuh Butiran 13 — Dewan Serbaguna Daerah. Di dalam masalah ini, saya mengalu-alukan langkah ini dan saya berharap langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan dalam masalah ini dapat mengatasi banyak masalah belia di kawasan-kawasan daerah dengan adanya kompleks sepertimana yang telah dicadangkan itu.

6.12 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh pada keseluruhannya di bawah B. 26, Aktiviti (3) (i) Penggalakan Kegiatan Pertubuhan Belia.

Tuan Pengerusi, Penggalakan Kegiatan Pertubuhan Belia pada pendapat saya adalah merupakan intisari aktiviti atau kegiatan Kementerian ini, selain daripada aktiviti-aktiviti yang lain. Oleh hal yang demikian, maka sudah menjadi harapan saya untuk melihat bahawa angka-angka peruntukan di bawah kepala ini, kalau tak sama pun dengan tahun-tahun yang lalu, diharapkan bertambah di tahun ini. Tetapi apa yang didapati bahawa di bawah kepala ini pada keseluruhannya potongan dibuat.

Umpamanya, saya bacakan sekarang mengikut butiran-butiran yang berkenaan seperti berikut:—

Butiran 1100, Aktiviti (3) — Belia (i) Penggalakan Kegiatan Pertubuhan Belia. Bilangan jawatan turun, pada tahun 1977 angkanya 22, pada tahun 1978 angka turun kepada 13. Jumlah peruntukan tahun 1977 \$393,190 turun kepada \$330,338. Itu di bawah Gaji dan Upahan.

Kita pergi pula di bawah tajuk yang sama, Butiran 1200, Elaun dan Lain-lain Habuan Wang, di Kepala yang sama juga iaitu Belia,

Penggalakan Kegiatan Pertubuhan Belia. Pada tahun 1977 peruntukan sebanyak \$1,620, tahun ini tidak ada.

Di bawah Butiran 1300 — Tambahan Kos Kakitangan, di bawah tajuk yang sama iaitu Penggalakan Kegiatan Pertubuhan Belia. Pada tahun yang lalu Dewan yang mulia ini memperuntukkan wang sebanyak \$19,740, tahun ini diturunkan kepada \$7,000 sahaja.

Di bawah Butiran 2100 — Perjalanan dan Pengangkutan Orang, di bawah aktiviti yang sama — Penggalakan Kegiatan Pertubuhan Belia. Pada tahun 1977 Dewan ini sudah meluluskan wang sebanyak \$350,000, tahun ini turun kepada \$280,000.

Di bawah Butiran 2200 — Pengangkutan Barang-barang, di bawah Aktiviti yang sama juga, turun daripada \$12,000 tahun lalu, tahun ini \$1,000 sahaja.

Di bawah Butiran 2300 — Perhubungan, Kepala yang sama ditambah \$500.

Di bawah Butiran 2400 — Utiliti, ditajuk yang sama. Tahun lalu \$8,000, pada tahun ini \$8,000 juga sama.

Di bawah Butiran 2500 — Sewaan, naik \$1,000.

Di bawah Butiran 2600 — Perkhidmatan Percetakan, daripada \$14,500 tahun lalu, turun kepada \$10,000 tahun ini.

Di bawah Butiran 2700 — Bekalan dan Bahan-bahan, di bawah tajuk yang sama. Tahun lalu Dewan yang mulia ini meluluskan anggaran sebanyak \$43,000, tahun ini turun \$25,000 sahaja.

Di bawah Butiran 2800 — Penyelenggaraan dan Pembaikan yang Dibeli, di bawah tajuk yang sama iaitu Penggalakan Kegiatan Pertubuhan Belia, daripada angka \$2,400 tahun lalu, turun kepada angka \$1,500 tahun ini.

Di bawah Butiran 2900 — Perkhidmatan Ikhtisas dan Lain-lain Perkhidmatan yang Dibeli di Hospitaliti, naik angkanya. Di situ ada kenaikan sedikit.

Di bawah Butiran 3300 — Perabut dan Lengkapan, Alat Kelengkapan dan Ternakan, di bawah Kepala yang sama, Penggalakan Kegiatan Pertubuhan Belia. Tahun lalu Dewan yang mulia ini meluluskan \$64,500 tahun ini turun kepada \$22,000.

Saya rasa payahlah saya meneruskan lagi apa yang telah saya bacakan tadi cuma membuktikan suatu aktiviti yang menjadi intisari aktiviti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini pada keseluruhannya telahpun dipotong di bawah tajuk-tajuk yang telah saya bacakan sebentar tadi. Apakah sebabnya potongan yang telah dilakukan itu? Pada hal boleh dikatakan 50% daripada kegiatan-kegiatan belia di negara ini adalah diselenggarakan dan dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan belia sukarela di negara ini. Dan pertubuhan-pertubuhan yang melaksanakan, pada pendapat saya hampir 50% daripada kegiatan belia di negara ini memerlukan bantuan daripada Kementerian yang berkenaan dan daripada kemudahan dari Kementerian inilah maka badan-badan sukarela di negara ini dapat bernafas dan bergerak maju dari satu peringkat ke satu peringkat dan oleh kerana wang peruntukan yang telah diluluskan di Dewan ini pada tahun lalu maka dengan wang itulah yang telah memajukan pergerakan sukarela belia di negara ini dan sekarang Dewan ini telah diminta untuk memotong wang yang begitu perlu untuk dipergunakan bagi memajukan pergerakan belia sukarela di negara kita.

Saya sungguh-sungguh merayu walaupun di bawah kepala-kepala ini telah dipotong, kalau boleh carilah wang daripada kepala yang lain pula yang dapat menolong kepada pertubuhan-pertubuhan belia sukarela, kalau dapat ditajuk-tajuk yang lain pula. Kalau ini tidak dibuat, apapun cara-cara yang lain mengikut

peraturan Dewan ini, digunakan untuk menambahkan wang itu, maka suatu suasana yang sedih akan menyelubungi seluruh pergerakan belia sukarela di negara kita ini. Saya merayu yang amat sangat supaya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menimbang dengan penuh simpati di atas rayuan yang saya telahpun lakukan bagi pihak seluruh dan tiap-tiap satu pertubuhan belia sukarela di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, kalau pertubuhan-pertubuhan belia sukarela di negara kita ini sudah lemah dan mungkin sudah tentu terjejas dengan potongan yang akan kita lakukan ini, maka yang rugi ialah kita juga, negara kita juga yang rugi apabila bantuan sudah terpotong, bantuan tersekat maka pertubuhan-pertubuhan belia sukarela itu akan kurang aktiviti.

Apabila kurang aktiviti maka belia-belia ini akan melakukanlah perkara-perkara yang menjadi kerunsingan kepada negara hari ini dengan masalah dadahnya, keruntuhan akhlaknya dan berbagai-bagai lagi. Dewasa ini perkara-perkara seperti madat dan dadah dan juga soal keruntuhan akhlak dapat dibenteras oleh Pertubuhan-pertubuhan Belia Sukarela dengan aktiviti-aktiviti mereka yang berjalan dengan bantuan dan sokongan dan pimpinan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kalau peruntukan ini terjejas maka aktiviti yang ada kaitan itu sudah tentu akan terjejas dan jangan kita pula di Dewan ini membuat ucapan-ucapan menimbulkan kesusahan, kegelisahan mengapa belia kita sudah begitu, mengapa belia kita dengan madat dan dadahnya, keruntuhan akhlak dan sebagainya pada hal kita telah memotong di Dewan ini peruntukan untuk membiayai dan memajukan pertubuhan belia sukarela di negara ini.

Tuan Pengerusi, di dalam ucapan yang Berhormat Setiausaha Parlimen di dalam membentangkan peruntukan ini dalam Jawatankuasa telahpun menyentuh soal dadah dan keruntuhan akhlak dan saya sendiripun telah menyentuh. Tetapi kita tidak dapati secara

terus apa-apa peruntukan yang menyentuh soal madat, dadah dan keruntuhan akhlak. Jadi saya fikir mungkin agaknya soal dadah dan keruntuhan akhlak ini jatuh di bawah tajuk ini iaitu tajuk penggalakkan kegiatan pertubuhan belia tadi, mungkin di situ kerana tiada tajuk yang khusus. Dalam pada itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyentuh soal keruntuhan akhlak dan dadah maka dengan itu saya cuba mencari di mana kepala yang ada di sini tetapi tidak berjumpa tetapi mungkin agaknya ada di bawah kepala-kepala yang lain dan saya cuba hendak menyatakan tadi mungkin agaknya di bawah Kepala Penggalakan Aktiviti Pertubuhan Belia tadi dan kalau benar pendapat saya tadi maka menjadi lebih penting lagilah bahawa peruntukan ini jangan dipotong. Kalau tidak boleh ditambah sekalipun disamakanlah dengan peruntukan yang Dewan ini telah luluskan di tahun-tahun yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya juga menyokong penuh atas peruntukan yang telah diumumkan bagi perjalanan belia-belia dan mengadakan sekim ataupun rancangan pertukaran belia baik di dalam Negara Malaysia kita ini ataupun dengan negara-negara asing. Cuma saya harap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah berhati-hati di dalam memilih negara-negara yang hendak dikunjungi dan kedua hendaklah berhati di dalam menentukan masa tempoh belia-belia kita ini menginap di tempat-tempat yang mereka lawati. Janganlah terlampau panjang sangat seumpamanya rancangan pertukaran belia-belia kita di Kanada tempoh masa lawatan itu ialah selama empat bulan. Empat bulan pada pendapat saya satu masa yang agak terlampau panjang dan saya kuarir kalau-kalau, maklumlah orang-orang mudah takut-takut kalau mereka membawa balik nilai-nilai yang mungkin tidak selaras dan sejajar dengan nilai-nilai tradisional, nilai-nilai yang kita hormati di negara kita ini apatah lagi pula belia-belia yang Kementerian hantar itu adalah belia-belia yang muda-muda dan ini kalau boleh baik kalau boleh dihantar belia-belia yang tua sedikit, kalau dihantar enam bulan tidak jadi apa-apa.

Tuan Pengerusi: Masih dipanggil belia juga?

Tuan Haji Suhalmi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, belia itu ada juga belia yang tua, kerana belia ini tidak bergantung kepada umur tetapi bergantung kepada hati, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*) Jadi kalau kita dihantar ke negara-negara luar yang mungkin corak penghidupan mereka agak berlainan dengan kita saya suka membuat perhatian atau syor supaya belia-belia yang sudah matang sedikit, belia-belia yang sudah melalui kehidupan yang agak sudah masak baharulah mereka ini dihantar kepada negara-negara yang agak berlainan falsafah cara hidupnya.

Kalau belia-belia yang muda-muda itu untuk sementara waktu elok dihantar ke negara-negara yang berdekatan atau negara-negara yang mana nilai hidup mereka tidak begitu berbeza sangat dengan cara hidup kita. Tetapi kalau kita hantar belia-belia yang berumur 16 tahun, 17 tahun, 18 tahun atau 19 tahun ke Kanada selama empat bulan ataupun negara-negara lain yang agak berlainan sedikit cara hidup dengan kita, saya kuarir belia-belia ini akan keliru sedikit dan apabila mereka ini kembali ke tanah air bukan akan memberi faedah malah kepada diri mereka sendiri dan juga kepada masyarakat yang mana mereka sendiri menjadi anggotanya. Bukan di sini saya mengatakan kehidupan di negara-negara ini tidak baik, itu bukan maksud saya. Cara mereka kena pada tempatnya, itu cara mereka, bagus untuk mereka, iklim mereka, suasana mereka, tetapi oleh kerana belia ini mungkin oleh kerana umurnya agak begitu rendah dan kurang matang dalam kehidupannya, kita kuarir takut-takut kalau mereka begitu terpengaruh sekali dengan cara-cara hidup yang mungkin kurang faham dan menerima segala-galanya untuk mereka amalkan pula di negara kita ini. Itu sahaja yang saya kuarirkan. Bukanlah saya katakan perkara ini sudah berlaku, belum berlaku, tetapi sebelum berlaku itu, itulah sebab hendak diberi sedikit pandangan untuk pertimbangan Kementerian sewajarnya.

Tuan Pengerusi, izinkan saya pergi ke muka surat 192 iaitu P. 26 di bawah Butiran 10 — Pusat Latihan Belia Sepang. Saya amat dukacita kerana projek ini dengar khabar bukan di Sepang tetapi di Kuala Langat. Tetapi tajuk kepala di sini mengatakan Sepang kerana seperti mana Tuan Pengerusi sedia maklum Sepang adalah merupakan kawasan saya dan saya difahamkan bahawa rancangan ini bukan di Sepang tetapi di Kuala Langat. Jadi saya harap dapatlah Kementerian memperbetulkan keadaan dan membawa projek itu ke Sepang dan bukan ke Kuala Langat kerana Butiran 10 di bawah Kepala P. 26 mengatakan Sepang dan di dalam ucapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi pun mengatakan Sepang dan bukan Kuala Langat. Tetapi oleh kerana mungkin agaknya di Daerah Sepang ini tiada Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan, mungkin kerana itu timbul sedikit masalah. Di Daerah Sepang selama-lamanya tiada Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan, dan

mungkin masanya telah tiba untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menimbangkan untuk menghantar seorang Pegawai Belia dan Sukan di daerah itu sekurang-kurangnya untuk menyelenggarakan projek yang ada di bawah Butiran 10 ini iaitu Pusat Latihan Belia, Sepang yang saya percaya amat kena pada tempatnya untuk ditubuhkan dengan seberapa cepat yang mungkin dan saya percaya akan memberi faedah yang besar kepada para belia dan negara kita seterusnya.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.